



# **MEMPROMOSI PENGHORMATAN TERHADAP UNDANG- UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA**

**BUKU PANDUAN UNTUK  
AHLI-AHLI PARLIMEN MALAYSIA**



**ICRC**

Buku panduan ini telah disediakan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan Delegasi Serantau Kuala Lumpur, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC).

Sebahagian besar buku panduan ini berdasarkan buku 'Promoting Respect For International Humanitarian Law – A Handbook For Parliamentarians', yang telah disediakan dan diterbitkan oleh Palang Merah Australia pada tahun 2008, selain buku 'Promoting Respect For International Law – Handbook For Parliamentarians', yang telah disediakan dan diterbitkan pada tahun 1999 oleh ICRC dan Kesatuan Inter-Parlimen (*Inter-Parliamentary Union*).

Gambar muka depan:

Kunjung hormat oleh Presiden ICRC (1964-1969) Samuel Gonard menghadap Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Kuala Lumpur, Januari 1967 © ICRC

# MEMPROMOSI PENGHORMATAN UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA

'Walaupun kita ingin menyaksikan pertikaian diselesaikan secara damai dan tanpa permusuhan, sekurang-kurangnya kita patut memastikan bahawa orang awam yang tidak terlibat, baik lelaki mahupun wanita dan kanak-kanak, tidak menderita sekiranya konflik tercetus. Malaysia berpendirian bahawa penghormatan dan pematuhan terhadap undang-undang kemanusiaan antarabangsa sepertimana yang termaktub didalam empat Konvensyen Geneva dan Protokol-Protokol Tambahannya, serta dibawah undang-undang adat antarabangsa, hanya dapat dicapai sekiranya prinsip dan amalan undang-undang kemanusiaan antarabangsa ini yang telah berakar umbi, giat dipegang teguh oleh komuniti sejagat.'

*Kenyataan oleh Yang Berhormat Senator Paul Kong Sing Chu, Ahli Parlimen dan Wakil Malaysia, di bawah agenda perkara 80 bertajuk "Status Protokol-Protokol Tambahan kepada Konvensyen-Konvensyen Geneva 1949 tentang Perlindungan Mangsa Konflik-Konflik Bersenjata" semasa mesyuarat Jawatankuasa Keenam Sesi ke-67 Persidangan Am Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, 22 Oktober 2012.*

"Seminar Undang-Undang Kemanusiaan Asia Pertama" yang dianjurkan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan ICRC di Kuala Lumpur dari 14 hingga 24 November 1978. Dari kiri ke kanan: YAA Tun Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Omar, Timbalan Pengerusi PBSMM, YM Tunku Tan Sri Mohamed bin Tunku Besar Burhanuddin, Pengerusi Kebangsaan PBSMM, Alexandre Hay, Presiden ICRC (1976-1987), dan YM Tengku Tan Sri Dato' Seri Ahmad Rithauddeen, Menteri Luar Negeri.



Pelaksanaan tugas-tugas ICRC, Persekutuan Antarabangsa Persatuan-Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah (IFRC) dan kesemua Persatuan-Persatuan Kebangsaan berpandukan tujuh Prinsip-Prinsip Asas:

**Kemanusiaan:** Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa dilahirkan dengan hasrat untuk memberi bantuan tanpa diskriminasi kepada mereka yang cedera di medan pertempuran, berusaha dalam kapasiti antarabangsa dan kebangsaan, untuk mencegah dan meringankan penderitaan manusia di mana ia wujud. Tujuannya adalah untuk melindungi nyawa dan kesihatan serta memastikan penghormatan terhadap manusia. Ia memupuk persefahaman, persahabatan, kerjasama dan keamanan yang berkekalan dalam kalangan semua manusia.

**Kesaksamaan:** Pergerakan tidak berdiskriminasi berdasarkan kewarganegaraan kaum, kepercayaan agama, darjat atau fahaman politik. Ia berusaha untuk meringankan penderitaan individu-individu dengan berpandukan keperluan semata-mata dan memberikan keutamaan kepada kes-kes kecemasan yang paling mustahak.

**Keberkecualian:** Untuk menikmati keyakinan orang ramai yang berterusan, Pergerakan tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak yang bermusuhan atau melibatkan diri, pada bila-bila masa, dalam sesuatu kontroversi yang bersifat politik, perkauman, agama atau ideologi.

**Kebebasan:** Pergerakan adalah bebas. Persatuan Kebangsaan, walaupun berupa auxiliari dalam perkhidmatan kemanusiaan pihak kerajaan dan tertakluk kepada undang-undang negara masing-masing, ia mestilah sentiasa mengekalkan autonominya supaya ia boleh bertindak pada setiap masa selaras dengan prinsip-prinsip Pergerakan.

**Khidmat sukarela:** Ia merupakan satu pergerakan bantuan sukarela yang tidak didorong oleh sebarang keinginan untuk memperoleh keuntungan.

**Bersatu :** Hanya ada satu Persatuan Palang Merah atau Bulan Sabit Merah dalam sesebuah Negara. Persatuan ini mestilah terbuka kepada semua. Ia mesti menjalankan aktiviti-aktiviti kemanusiaannya di seluruh wilayahnya.

**Kesejagatan:** Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa di mana semua Persatuan mempunyai status yang sama serta berkongsi tanggungjawab dan tugas-tugas yang sama dalam saling membantu antara satu sesama yang lain, adalah sedunia.

# KANDUNGAN

	Muka surat
<b>PRAKATA</b>	<b>4-9</b>
<b>PEPERANGAN JUGA ADA BATASANNYA</b>	<b>11</b>
<b>APAKAH HUBUNG KAIT ANTARA UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA (UUKA) DAN AHLI-AHLI PARLIMEN?</b>	<b>12</b>
<b>SOAL JAWAB MENGENAI UUKA</b>	<b>17</b>
• Apakah itu UUKA?	18
• Apakah hubung kait antara UUKA dengan hak asasi manusia?	20
• Apakah kaitan UUKA dengan “menangani keganasan extremism”?	21
• Bagaimanakah UUKA mengawal selia senjata tertentu?	22
• Siapakah dan apakah yang lambang-lambang pergerakan lindungi?	24
• Apakah akibat pelanggaran UUKA?	26
• Apakah relevan UUKA kepada Malaysia?	27
• Apakah hubung kait antara UUKA dengan Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa (RCRC)?	30
<b>APAKAH PERANAN AHLI-AHLI PARLIMEN?</b>	<b>39</b>
• Memastikan penyertaan Malaysia dalam triti-triti UUKA yang relevan	40
• Menggubal perundangan pelaksanaan	41
• Melindungi lambang-lambang Pergerakan	42
• Menyebarkan pengetahuan tentang UUKA	42
<b>APAKAH TRITI-TRITI UUKA YANG UTAMA?</b>	<b>45</b>
• Triti-triti tentang perlindungan mangsa perang	46
• Triti-triti yang menyekat atau melarang penggunaan senjata-senjata tertentu	47
• Triti-triti tentang perlindungan objek-objek tertentu	49
• Mekanisme penguatkuasaan triti antarabangsa	50
<b>TRITI ANTARABANGSA MANAKAH YANG TELAH MALAYSIA RATIFIKASI DAN APAKAH UNDANG-UNDANG BERKAITAN YANG TELAH DIGUBAL?</b>	<b>53</b>
<b>GLOSARI</b>	<b>55</b>

# PRAKATA OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

Saya berasa sangat berbesar hati diberikan peluang memperkenalkan buku ini yang berjudul, 'Mempromosi Penghormatan Terhadap Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa: Buku Panduan untuk Ahli-Ahli Parlimen Malaysia'.

Badan perundangan telah lama dianggap sebagai salah satu institusi yang paling penting dalam mana-mana negara berdemokrasi. Bagi menumpukan semula perhatian terhadap UUKA, Parlimen memainkan peranan yang mustahak untuk memastikan kewajipan dan prinsip-prinsip UUKA dilaksanakan secara berkesan.

Pada 24 Ogos 1962, Malaysia telah meratifikasi Konvensyen-Konvensyen Geneva 1949 yang kini adalah teras triti-triti UUKA, sedangkan pada masa itu Malaysia belum pun menyambut ulang tahun kelima kemerdekaannya. Selari dengan sistem perundangan Malaysia yang bersifat dualisme, sebaik sahaja konvensyen-konvensyen itu diratifikasi, ahli-ahli Parlimen telah membahaskan lalu meluluskan Akta 512 atau Akta Konvensyen-Konvensyen Geneva 1962.


Sejak itu, sejajar dengan komitmennya untuk menegakkan UUKA, Malaysia telah meratifikasikan dan melaksanakan pelbagai triti UUKA, termasuklah Konvensyen tentang Larangan Penggunaan, Pengumpulan Stok, Pengeluaran dan Pemindahan Periuk Api Pembina Anggota 1997. Perjanjian antarabangsa itu bertujuan untuk menghapuskan periuk api pembina anggota di seluruh dunia. Parlimen telah menguatkuasakan konvensyen itu melalui Akta Penguatkuasaan Konvensyen Periuk Api Pembina Anggota 2000 (Akta 603).

Kini, pentingnya UUKA pada Malaysia perlu diberi tekanan yang secukupnya. Skopnya yang luas – merangkumi perkara-perkara seperti perlindungan orang awam dan harta kebudayaan ketika konflik bersenjata, pengawalan penjualan dan pemindahan senjata-senjata dan juga larangan penggunaan senjata nuklear. Hakikat ini menegaskan betapa pentingnya UUKA bagi Malaysia. Oleh sebab itu, ahli-ahli Parlimen tidak boleh mengelak daripada membahaskan mengenai perkara-perkara yang bersangkutan-paut atau berhubung dengan UUKA.

Buku panduan ini memberi perhatian khas mengenai betapa relevannya UUKA bagi Malaysia; menerangkan peranan utama yang dimainkan ahli-ahli Parlimen; dan menjelaskan secara terperinci tentang isi utama UUKA. Sudah pasti, buku panduan ini dapat melengkapi kakitangan dan ahli-ahli Parlimen dengan ilmu pengetahuan yang perlu tentang subjek dan operasi UUKA.

Saya yakin bahawa sifat buku panduan yang komprehensif, ringkas lagi padat ini akan menjadi titik permulaan yang sangat baik bagi ahli-ahli Parlimen yang kurang arif tentang UUKA dan menjadi rujukan yang baik bagi mereka yang sudah arif dalam bidang ini.

Akhir kata, saya ingin menzahirkan penghargaan yang tidak terhingga kepada ICRC dan PBSMM atas sokongan padu mereka kepada Parlimen dan ahli-ahlinya. Kami mengalu-alukan perbahasan yang kondusif dan bersifat ilmiah tentang UUKA di dalam Parlimen pada masa terdekat. Sekian, terima kasih.



**Tan Sri Azhar Azizan Harun**  
**Yang di-Pertua Dewan Rakyat**  
**Parlimen Malaysia**

# PRAKATA OLEH Pengerusi KEBANGSAAN, PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA

Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa ditubuhkan atas hasrat untuk memastikan keselamatan anggota-anggota perubatan angkatan tentera dan untuk membentuk persatuan-persatuan yang memberi bantuan untuk menolong askar yang sakit dan tercedera di medan perang. Hasrat ini diperluas sehingga meliputi kedua-dua kombat dan juga bukan kombat sewaktu konflik. Keempat-empat Konvensyen Geneva adalah sebahagian daripada kumpulan undang-undang yang dikenali sebagai undang-undang kemanusiaan antarabangsa (UUKA), undang-undang konflik bersenjata atau undang-undang perang. Konvensyen Geneva 1949 yang Pertama telah menubuhkan Persatuan Kebangsaan sementara Resolusi Pertama Persidangan Geneva 1863 membuah konsep bahawa Persatuan Kebangsaan adalah badan auktorial yang membantu pihak berkuasa awam dalam bidang kemanusiaan.

Persatuan Palang Merah telah bermula di Malaysia pada April 1948 sebagai sebuah cawangan Persatuan Palang Merah British. Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia pula ditubuhkan oleh Akta Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (sepertimana dipinda pada 1 Januari 2006) dan Akta Persatuan Palang Merah Malaysia (Pertukaran Nama) 1975 (sepertimana dipinda pada 1 Januari 2006). Di bawah seksyen 5 Akta Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (Pemerbadanan) 1965, tujuannya adalah seperti yang berikut: (a) ketika aman atau peperangan, melaksanakan dan membantu dalam kerja menambahbaikkan kesihatan, mencegah penyakit dan meringankan penderitaan di seluruh dunia, (b) ketika peperangan, memberikan bantuan sukarela kepada mereka yang sakit dan tercedera dalam kalangan askar dan juga orang yang tidak terlibat dalam pertempuran, tawanan perang dan orang awam yang menderita akibat peperangan, sejajar dengan semangat dan prinsip Konvensyen-Konvensyen Geneva bagi pembaikan keadaan anggota-anggota angkatan tentera yang tercedera dan sakit di medan perang, yang dimeterai di Geneva pada 12 Ogos 1949 dan (c) menunaikan semua kewajipan yang diamanahkan kepada Persatuan Kebangsaan oleh setiap negara yang telah menyertai Konvensyen tersebut.


Salah satu mandat Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia adalah untuk meringankan kesan buruk peperangan terhadap manusia. Oleh sebab itulah saya dengan sukacitanya memperkenalkan buat julung kalinya buku panduan bertajuk 'Mempromosi Penghormatan Terhadap Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa: Buku Panduan untuk Ahli-Ahli Parlimen Malaysia'. Matlamat buku panduan ini adalah untuk berkongsi pelbagai cara ahli-ahli Parlimen Malaysia boleh mempromosi dan memastikan pematuhan UUKA di Malaysia.

Sebelum perjanjian UUKA dapat diterima pakai di Malaysia, di bawah sistem dualisme undang-undang antarabangsa yang diamalkan oleh negara-negara Komanwel, Parlimen hendaklah menggubal undang-undang pelaksanaan dalam negeri yang mencerminkan perjanjian antarabangsa itu, agar perjanjian tersebut dapat dikuatkuasakan di Malaysia. Pada lewat tahun 1970-an, lebih daripada 250,000 pelarian Vietnam telah melarikan diri daripada keganasan Perang Vietnam, dengan menaiki tongkang dan sampan sampai di Malaysia. Lanjutan daripada itu, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia telah diamanahkan dengan tanggungjawab utama menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada mereka. Tanggungjawab tersebut juga kemudiannya melibatkan pengendalian kem-kem di Pulau Bidong dan Sungai Besi. Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia juga menyediakan latihan supaya mereka dapat membina kehidupan baharu di negara lain; membantu menyatukan semula ahli-ahli keluarga yang telah terpisah; dan memenuhi keperluan mereka daripada pelbagai aspek kebajikan. Usaha ini dijalankan bersama Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah dan anggota-anggota lain Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa, agensi Kerajaan Malaysia, agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan agensi negara-negara asing.

Bagi mengiktiraf sumbangan cemerlang PBSMM dalam membantu pelarian Vietnam itu, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia telah dianugerahkan Pingat Nansen yang berprestij pada 1977. Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia adalah satu-satunya Persatuan Kebangsaan yang telah menerima pingat itu setakat ini.

Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia bekerjasama rapat dengan Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Wisma Putra dan agensi kerajaan lain dalam menyebarkan dan melaksanakan pelbagai aspek UUKA. Hubungan itu amat penting bagi pasukan pengaman dan pemerhati dari Malaysia yang berkhidmat dalam misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. UUKA masih penting bagi membantu mereka yang melarikan diri dari konflik dan kini berada di Malaysia dan, juga kebelakangan ini, warga Rohingya dan Syria.

Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa bersedia berkerjasama secara rapat dengan ahli-ahli Parlimen Malaysia dalam semua aspek UUKA dan bidang kemanusiaan. Kami yakin buku panduan ini akan menjadi alat yang berguna bagi ahli-ahli Parlimen.



**Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah,**  
**DKH, DKYR, SHMS, SSDK, PSM, PAT, JP, Hon.Ph.D(UUM), Hon.Ph.D(KUIN), Hon. PhD(UPNM)**  
**TUNKU TEMENGGONG KEDAH**  
**Pengerusi Kebangsaan**  
**Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia**

# PRAKATA OLEH KETUA DELEGASI SERANTAU, ICRC KUALA LUMPUR

Peranan Malaysia dalam Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa mempunyai sejarah yang panjang. Seperti juga negara-negara lain di Asia Tenggara, delegasi-delegasi awal ICRC telah ditempatkan di negara ini ketika Perang Dunia Kedua sejajar dengan Konvensyen-Konvensyen Geneva. Delegasi-delegasi itu dibenarkan melawat tawanan perang dan tahanan yang terdiri daripada orang awam bagi memastikan mereka ditahan dalam keadaan yang berperikemanusiaan dan agar maruah mereka terpelihara.

Malaysia telah menyaksikan penderitaan akibat konflik bersenjata menimpa kedua-dua pihak yang bermusuhan dan populasi awam yang mudah menjadi sasaran serta mangsa serangan. Hal sedemikian tidak sepatutnya terjadi memandangkan Konvensyen-konvensyen Geneva 1949 telah memperuntukkan perlindungan untuk mangsa dan kombatan konflik bersenjata. Amalan negara, dan kini falsafah undang-undang tempatan dan antarabangsa, telah menekankan bahawa pematuhan UUKA amat penting untuk mengelak impak konflik bersenjata terhadap manusia.

Ilmu pengetahuan mengenai UUKA, apabila digabungkan dengan kerangka undang-undang perlindungan, dapat menjamin keselamatan mereka yang bertempur ataupun yang terdedah kepada peperangan. Sekiranya sesuatu negara itu tidak mempersetujui triti-triti UUKA dan undang-undang tersebut tidak dilaksanakan atau dikuatkuasakan melalui undang-undang domestik negara tersebut, maka perlindungan terhadap orang awam di negara tersebut masih lagi tidak mencukupi. Dalam pada itu, tanggungjawab ahli-ahli Parlimen untuk meningkatkan kesedaran mengenai bidang undang-undang ini tidak boleh diambil enteng. Cuma Parlimen sahaja yang mempunyai kapasiti untuk memastikan bahawa peraturan-peraturan ini terkandung dalam polisi-polisi institusi yang berkenaan, termasuklah angkatan tentera dan pasukan keselamatan. Parlimen boleh mewajibkan promosi dan penyebaran pengetahuan tentang UUKA untuk memastikan ia wujud dan diketahui ramai. Ini adalah untuk memastikan undang-undang tersebut diterapkan dan diketahui oleh semua orang sewaktu masa aman.

Oleh itu, ahli-ahli Parlimen boleh menggunakan buku panduan ini untuk meningkatkan pengetahuan mereka tentang prinsip-prinsip asas UUKA dalam mempengaruhi pelaksanaan dan pembangunan undang-undang ini.

Buku panduan ini ialah hasil kerjasama rapat antara ICRC, selaku penjaga dan penganjur UUKA, dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, sebagai penganjur UUKA di Malaysia. Buku ini bertujuan membantu ahli-ahli Parlimen memahami prinsip-prinsip am UUKA lalu mempertimbangkan pelaksanaan undang-undang tersebut di Malaysia, bagi menghormati bidang undang-undang yang mustahak ini.

Justeru, buku panduan ini boleh dimanfaatkan oleh ahli-ahli Parlimen untuk memantapkan pemahaman mereka tentang prinsip-prinsip am UUKA demi mempengaruhi pelaksanaan dan pembangunan bidang ini. Tambahan lagi, buku panduan ini memberi petunjuk kepada ahli-ahli Parlimen tentang langkah-langkah yang perlu diambil agar Malaysia menghormati serta memastikan UUKA dihormati.

Sebagai tanda sokongan terhadap matlamat Malaysia untuk mencapai status negara maju, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan ICRC sedang bekerjasama dengan agensi kerajaan, termasuk Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk mengukuhkan lagi kesedaran dan pembangunan nilai-nilai dan prinsip-prinsip kemanusiaan dalam kalangan masyarakat serta angkatan tentera.

## **Biljana Milosevic**

Ketua Delegasi Serantau  
ICRC Kuala Lumpur

Pegawai-pegawai kanan angkatan tentera laut serantau semasa Bengkel Serantau Undang-Undang Konflik Bersenjata di Laut yang membincangkan pemakaian undang-undang konflik bersenjata, atau juga dikenali sebagai undang-undang kemanusiaan antarabangsa, dalam konteks maritim. Bengkel lima hari ini dianjurkan bersama oleh ICRC, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.



UUKA, juga dikenali sebagai Undang-Undang Konflik Bersenjata atau Undang-Undang Perang, melindungi manusia, termasuk mereka yang tidak atau tidak lagi terlibat dalam konflik bersenjata.

## PEPERANGAN JUGA ADA BATASANNYA

Idea yang dikemukakan dalam UUKA adalah mudah dan meyakinkan: **peperangan juga ada batasannya**.

Berdasarkan idea asas dan penting inilah ICRC berbesar hati untuk bekerjasama dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dalam menghasilkan buku panduan ini. Kami berharap agar dapat mengukuhkan lagi pemahaman anda tentang sifat dan kepentingan UUKA dan menggalakkan anda untuk menggiatkan usaha mempromosikan penghormatan undang-undang antarabangsa yang semakin relevan ini.

### **Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa dan UUKA**

UUKA dan penubuhan Pergerakan berkait rapat. Pada 1859, Henry Dunant, seorang pemuda Swiss, telah menyaksikan suatu pertempuran berdarah di Solferino, Italy, antara tentera empayar Austria dan pakatan Perancis-Sardinia. Seramai 40,000 mangsa bergelimpangan di medan perang. Ada yang telah maut dan ada yang sudah pun di ambang ajal, sementara mereka yang tercedera tidak diberikan rawatan perubatan. Dunant menggembeng tenaga penduduk tempatan untuk memberi askar-askar itu rawatan dan makanan serta menenangkan mereka. Setibanya di Switzerland, beliau mencadangkan dua idea. Pertama, pembentukan persatuan bantuan kebangsaan untuk membantu perkhidmatan perubatan angkatan tentera ketika peperangan. Kedua, pemeteraian suatu triti antarabangsa dalam melindungi golongan yang memberikan bantuan kepada mangsa yang tercedera di medan perang.

Demi mendukung idea-idea tersebut, pada 1863, Dunant dan beberapa orang yang bersependapat telah menubuhkan suatu organisasi yang kemudiannya dikenali sebagai ICRC. Pada tahun berikutnya, Konvensyen Geneva pertama diterima pakai (pada awalnya oleh 12 negara), untuk menyantuni mangsa tercedera dan memastikan perkhidmatan perubatan sebagai berkecuali di medan perang.

UUKA dan Pergerakan – iaitu ICRC, Persatuan-Persatuan Kebangsaan, dan IFRC sehingga kini berkait. Konvensyen-Konvensyen Geneva dan Protokol-Protokol Tambahannya memberi kuasa kepada Pergerakan untuk melaksanakan tugas-tugas khusus yang mereka berhak lakukan ketika konflik bersenjata. Lambang-lambang yang digunakan oleh Pergerakan (iaitu palang merah, bulan sabit merah dan kristal merah) dikawal undang-undang antarabangsa dan domestik dan diiktiraf sebagai lambang-lambang yang memberi perlindungan sejagat.

Badan perundingan tertinggi Pergerakan ialah Persidangan Antarabangsa Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah yang bukan sahaja terdiri daripada Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC), Persekutuan Antarabangsa Persatuan-Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah (IFRC) dan Persatuan-Persatuan Kebangsaan.



Ia juga terdiri daripada semua 196 negara pihak Konvensyen-Konvensyen Geneva termasuk Malaysia.

Resolusi-resolusi persidangan tersebut juga telah mengenal pasti ICRC sebagai “penjaga dan penganjur” UUKA dan menghendaki Persatuan-Persatuan Kebangsaan seperti Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia menyebar dan mendidik orang awam serta golongan sasaran tertentu tentang kepentingan UUKA.

## APAKAH HUBUNG KAIT ANTARA UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA (UUKA) DAN AHLI-AHLI PARLIMEN?

Walaupun kerajaan eksekutif memikul tanggungjawab utama Malaysia mengenai kewajipan UUKA, ahli-ahli Parlimen juga memainkan peranan penting dalam menggubal undang-undang untuk memastikan UUKA dilaksanakan di seluruh Malaysia – bagi kerajaan, penjawat awam dan masyarakat sivil.

Ahli-ahli Parlimen boleh menyemak semula ratifikasi dan penyertaan triti-triti UUKA oleh kerajaan eksekutif, menyokong inisiatif untuk memperkenalkan instrumen-instrumen UUKA yang baharu dan memperuntukkan sumber-sumber yang mencukupi untuk penyebaran pengetahuan mengenai UUKA. Ahli-ahli Parlimen mewakili masyarakat yang lebih luas dan mempunyai kedudukan yang unik dalam membangkitkan hal-hal yang mustahak dan mendidik orang awam mengenai kepentingan prinsip undang-undang antarabangsa.

### 1. Pengiktirafan dari segi undang-undang

Kekuatan setiap Persatuan Kebangsaan bergantung kepada usaha kerajaannya menggubal undang-undang yang sewajarnya untuk mengiktiraf kewujudan persatuan-persatuan tersebut dan membolehkan persatuan-persatuan itu menjalankan tugas berpandukan Prinsip-Prinsip Asas serta menjalankan aktiviti sebagai auxilium kepada pihak berkuasa awam dalam bidang kemanusiaan. Di Malaysia, Akta Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (Pemerbadanan) 1965, Akta Persatuan Palang Merah Malaysia (Pertukaran Nama) 1975, Akta Konvensyen-Konvensyen Geneva 1962 dan Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 2019 membolehkan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia

**Untuk memantapkan pemahaman masyarakat umum tentang “undang-undang peperangan”.**

mengambil bahagian dalam Pergerakan dan bertindak sebagai Persatuan Kebangsaan yang kuat dan berkebolehan.

### 2. Penggunaan lambang

Lambang-lambang Pergerakan ialah simbol pengenalan dan perlindungan ketika konflik dan situasi-situasi keganasan yang lain. Oleh itu, undang-undang yang mengawal penggunaan sah lambang-lambang palang merah, bulan sabit merah atau kristal merah perlulah digubal dan dikemaskinikan ketika keadaan aman. Undang-undang sedemikian dapat mengelakkan penyalahgunaan atau penggunaan keterlaluan lambang-lambang tersebut dan membantu memelihara maksud dan statusnya yang unik. Memastikan penggunaan betul lambang-lambang itu wujud adalah salah satu daripada tugas penting ahli-ahli Parlimen. Akta Konvensyen-Konvensyen Geneva 1962 menyokong penggunaan lambang-lambang tersebut dengan cara yang sah. Perkara ini perlu diketahui secara meluas, diiktiraf dan dihormati di Malaysia.

### 3. Memanfaatkan kepakaran dan memahami keupayaan dalam respons kecemasan dan bencana

Persatuan-Persatuan Kebangsaan, selaku badan auxilium kepada kerajaan masing-masing berupaya untuk memberi sokongan kepada kerajaan melalui penglibatan dalam panel, lembaga atau memainkan peranan sebagai penasihat dalam skop kepakarannya (seperti respons kecemasan, undang-undang bencana atau menangani impak migrasi). ICRC dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia sentiasa bersedia menawarkan perkhidmatan dalam kapasiti ini. Antara peranan yang boleh dimainkan oleh ICRC dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia mengikut kepakarannya adalah seperti menyokong perbincangan atau berkongsi pengetahuan dengan jawatankuasa-jawatankuasa Parlimen berkenaan hal-hal seperti UUKA, penyaluran bantuan kemanusiaan ketika konflik, bencana alam atau pembangunan daya tahan masyarakat.

### 4. Menyokong jawatankuasa UUKA

Ahli-ahli Parlimen boleh melibatkan diri dalam perbincangan di Parlimen atau perbincangan jawatankuasa-jawatankuasa tentang pelaksanaan atau penerimaan triti-triti UUKA. Ahli-ahli Parlimen juga, boleh melibatkan diri dalam penggubalan undang-undang domestik berkaitan UUKA. Banyak negara mempunyai jawatankuasa UUKA peringkat kebangsaan yang terdiri daripada wakil-wakil agensi kerajaan seperti Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertahanan dan Jabatan Peguam Negara, untuk memupuk perbincangan antara pihak berkuasa, Persatuan Kebangsaan dan ICRC dalam memastikan pematuhan UUKA. Jawatankuasa sedemikian memberi ruang untuk pertukaran maklumat dan perkongsian kepakaran, di samping menggalakkan pemahaman serta pelaksanaan kewajipan UUKA. Jawatankuasa Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa Malaysia (JUKAM) dengan itu telah ditubuhkan pada tahun 2007 dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Selain itu, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia juga mempunyai Jawatankuasa UUKA dalaman yang bermesyuarat setiap suku tahun untuk mempromosikan pelaksanaan kewajipan UUKA di Malaysia.



## 5. Membina Kumpulan Rakan Palang Merah/Bulan Sabit Merah – Parlimen

Setengah Persatuan Kebangsaan telahpun berjaya menubuhkan kumpulan ‘Rakan-Rakan Parlimen’. Kumpulan-kumpulan ini terdiri daripada ahli-ahli Parlimen daripada pelbagai parti bertindak sebagai duta dalam mempromosikan usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti Persatuan Kebangsaan. Kumpulan-kumpulan ini boleh membantu Malaysia mencapai golongan rentan untuk menyalurkan bantuan dan tindakan kemanusiaan dengan berkesan. Ahli-ahli Parlimen mempunyai kapasiti yang unik dalam membangkitkan perkara-perkara penting dan mendidik masyarakat awam tentang pelbagai prinsip kemanusiaan yang menjadi tunggak Pergerakan.

## 6. Memahami dan melaksanakan resolusi dan sandaran Persidangan Antarabangsa

Setiap empat tahun, Pergerakan akan mengadakan Persidangan Antarabangsa yang melibatkan Persatuan-Persatuan Kebangsaan, IFRC, ICRC dan negara-negara pihak Konvensyen-Konvensyen Geneva. Matlamat Persidangan Antarabangsa ini adalah untuk menghubungkan kerajaan-kerajaan dan kesemua komponen Pergerakan untuk berbincang dan bersetuju mengenalpasti keutamaan-keutamaan kemanusiaan untuk empat tahun yang selanjutnya. Keutamaan Persidangan Antarabangsa itu akan diterima pakai sebagai resolusi dan biasanya menerima sokongan sebulat suara daripada kesemua ahli persidangan. Walaupun resolusi-resolusi tersebut tidak mengikat negara-negara dari sudut perundangan, namun resolusi-resolusi tersebut menunjukkan komitmen yang ketara, bertulis dan rasmi oleh semua ahli persidangan.

Selain resolusi-resolusi rasmi, setiap kerajaan, Persatuan-Persatuan Kebangsaan, IFRC dan ICRC juga boleh membuat akujanji. Akujanji ialah pernyataan komitmen mengenai objektif-objektif kemanusiaan dan boleh dibuat oleh mana-mana pihak, baik secara persendirian ataupun secara bersama. Akujanji-akujanji yang pernah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia sebelum ini termasuklah komitmen-komitmen dalam penyebaran UUKA, perlindungan perkhidmatan perubatan, pemerkasaan kerangka respons bencana di rantau Asia-Pasifik, kerjasama dalam adaptasi perubahan iklim dan kerja-kerja sokongan dalam migrasi manusia. Ahli Parlimen wajar memahami butir akujanji tersebut dan kandungan resolusi-resolusi, terutamanya yang berkaitan dengan bidang kepakaran atau kepentingan ahli-ahli Parlimen tersebut.

Selaku kuasa pembuat keputusan yang penting dan pemimpin masyarakat, ahli-ahli Parlimen digalakkan untuk menjadi responsif kepada jemputan Pergerakan untuk bermesyuarat dan berbincang tentang isu-isu kemanusiaan. Sebagai badan auksiliari kepada pihak berkuasa, Persatuan-Persatuan Kebangsaan diberi mandat menjalinkan hubungan berasaskan semangat saling mempercayai dengan ahli-ahli Parlimen demi memajukan isu-isu kemanusiaan untuk perhatian ahli-ahli Parlimen. Pada masa yang sama, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia juga boleh mendapat faedah daripada kerjasama konstruktif dengan ahli-ahli Parlimen seluruh Malaysia dan wakil-wakil semua peringkat kerajaan.

Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia mengundang semua ahli Parlimen agar mengambil minat secara aktif mengenai Pergerakan dan aktiviti-aktiviti Persatuan

Kebangsaan serta memberikan pertimbangan yang teliti dan berhati-hati terhadap semua aspek pembangunan polisi, perbahasan dan perundangan yang boleh mempunyai implikasi kemanusiaan.

Maklumat lanjut mengenai Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia boleh didapati di [www.redcross.org.my](http://www.redcross.org.my).

Pegawai Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia menunjukkan kad pendaftaran perlarian PBSMM yang tulen kepada Cik Kim Thuy (kanan), seorang bekas pelarian yang telah meninggalkan Saigon bersama keluarganya semasa Perang Vietnam. Beliau kini seorang penulis yang telah memenangi pelbagai anugerah. Beliau pernah berada di Malaysia selama lebih kurang enam bulan pada tahun 1979 sebelum menetap di Kanada.



Delegasi ICRC untuk Kerjasama dengan Pasukan Bersenjata dan Keselamatan sedang berbincang dengan pegawai kanan bahagian latihan ibu pejabat Polis Diraja Malaysia tentang aktiviti-aktiviti bersama. Wakil ICRC bagi Pasukan Polis dan Pasukan Keselamatan sedang berbincang dengan pegawai kanan daripada bahagian latihan ibu pejabat Polis Diraja Malaysia, tentang aktiviti yang ingin dijalankan bersama. ICRC bekerjasama rapat dengan pasukan polis demi memperkasa dan menambah baik usaha polis dan memupuk sikap profesionalisme di kalangan pegawai penguat kuasa undang-undang. ICRC bekerjasama rapat dengan pasukan polis demi memperkasa dan menambah baik sistem kepolisan dan memupuk sikap profesionalisme di kalangan pegawai penguatkuasa undang-undang.



Kuala Lumpur, November 2011 © ICRC/Norma Abdul Hamid

## SOAL JAWAB MENGENAI UUKA

# APAKAH ITU UUKA?

Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa (UUKA) ialah satu set peraturan yang bertujuan untuk mengehadkan kesan konflik bersenjata ke atas manusia dan objek-objek awam. UUKA juga dikenali sebagai undang-undang peperangan atau undang-undang konflik bersenjata. UUKA melindungi manusia dalam kategori-kategori tertentu dan mengehadkan kaedah dan cara berperang.

Mesej-mesej utama UUKA adalah

Dilarang menyerang orang yang tidak terlibat atau sudah tidak lagi terlibat dalam konflik bersenjata.

Dilarang menggunakan senjata-senjata yang tidak boleh membezakan antara orang awam dan kombatan atau senjata yang mengakibatkan penderitaan dan kerosakan yang tidak munasabah.

UUKA melindungi orang yang tidak terlibat atau yang sudah tidak lagi terlibat dalam pertempuran seperti orang awam, golongan yang tercedera, mereka yang sakit, tawanan perang, tahanan-tahanan lain, mangsa kapal karam dan anggota-anggota tentera perkhidmatan perubatan dan keagamaan. Nyawa mereka hendaklah dihormati dan pihak-pihak kepada konflik mesti memberi mereka bantuan dan layanan berperikemanusiaan tanpa diskriminasi. Contohnya, orang awam tidak boleh menjadi sasaran serangan, mereka yang tercedera dan sakit mesti dikumpul dan dijaga, tawanan dan tahanan mesti dilayan dengan perikemanusiaan dan mendapat jaminan kehakiman.

UUKA melindungi objek-objek awam seperti hospital, ambulans dan harta kebudayaan yang penting, termasuk rumah ibadat, karya seni dan monumen bersejarah. UUKA juga melarang pemusnahan infrastruktur yang diperlukan demi kelangsungan kehidupan orang awam (seperti sumber dan bekalan air bersih dan selamat) dan yang bersifat berbahaya (seperti stesen-stesen jana kuasa nuklear).

UUKA mengehadkan jenis senjata dan taktik ketenteraan yang boleh digunakan dalam konflik bersenjata. Senjata dan kaedah peperangan yang tidak membezakan antara mereka yang mengambil bahagian dalam pertempuran (kombatan) dan mereka yang tidak mengambil bahagian (orang awam serta harta benda awam), adalah dilarang di bawah UUKA. UUKA juga mengharamkan penggunaan senjata yang mengakibatkan kecederaan atau penderitaan yang tidak munasabah. Taktik-taktik yang mengakibatkan kerosakan dan pencemaran teruk atau berpanjangan terhadap alam sekitar juga adalah dilarang.

UUKA hanya terpakai ketika konflik bersenjata, antarabangsa (iaitu antara dua atau lebih negara) dan konflik bersenjata bukan antarabangsa (iaitu yang berlaku di dalam wilayah sesebuah negara). Apabila sesuatu konflik bermula, UUKA berkuat

kuasa secara sama rata ke atas semua pihak tanpa mengambil kira punca-punca berlakunya konflik tersebut atau siapa yang memulakannya. UUKA adalah suatu bidang undang-undang yang hakikatnya adalah praktikal dan mengimbangi secara cermat matlamat kemanusiaan dengan kehendak ketenteraan.

UUKA terkandung dalam triti, konvensyen dan undang-undang adat antarabangsa (iaitu peraturan-peraturan yang berkembang mengikut masa berlandaskan amalan negara-negara yang konsisten, dengan kepercayaan bahawa amalan tersebut mengikat secara sah di sisi undang-undang). Elemen-elemen utama UUKA terkandung dalam keempat-empat Konvensyen Geneva 1949 dan ketiga-tiga Protokol Tambahannya; selain triti antarabangsa lain yang relevan, seperti yang berkaitan dengan kawalan senjata tertentu dan pendakwaan penjenayah perang. Senarai triti antarabangsa yang utama serta ringkasannya terkandung di bahagian belakang buku panduan ini.

Semasa Pertandingan Main Peranan UUKA, peserta membantu pelakon watak 'orang awam yang tercedera'. Dalam versi kecil Pertandingan Antarabangsa Jean Pictet, para pelajar bersaing dalam tujuh pusingan main peranan yang menguji pengetahuan mereka tentang UUKA dan lebih penting lagi, tentang pemakaian UUKA secara praktikal.



# APAKAH HUBUNG KAIT ANTARA UUKA DENGAN HAK ASASI MANUSIA?

Kedua-dua UUKA dan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa bermatlamat untuk melindungi nyawa dan maruah individu.

Meskipun kedua-dua sistem undang-undang ini saling melengkapi, mereka juga berbeza kerana kedua-duanya berkembang secara berasingan dan terkandung dalam triti-triti antarabangsa yang berlainan.

UUKA hanya terpakai dalam konteks konflik bersenjata, sama ada antarabangsa atau bukan antarabangsa. Ia bertujuan untuk menangani masalah-masalah kemanusiaan yang timbul ketika peperangan. Undang-undang hak asasi manusia antarabangsa pula terpakai pada setiap masa dan menetapkan piawai bagi negara-negara terhadap hak dan kebebasan individu dan berkumpulan. Hak asasi manusia adalah milik setiap orang berdasarkan hakikat kewujudannya sebagai seorang manusia. Walau bagaimanapun, sesetengah hak asasi manusia boleh digantung oleh kerajaan dalam situasi-situasi kecemasan awam seperti konflik bersenjata. Berbeza dengan undang-undang hak asasi manusia, tiada satu pun elemen UUKA yang boleh digantung kerana UUKA diguna pakai semasa situasi kecemasan yang spesifik, iaitu konflik bersenjata.

## Apakah itu konflik bersenjata?

UUKA bertujuan untuk meringankan penderitaan ketika waktu berlakunya konflik bersenjata. Konflik bersenjata merupakan suatu istilah undang-undang dan terbahagi kepada Konflik bersenjata antarabangsa (biasanya dikenali sebagai “perang”) dan konflik bersenjata bukan antarabangsa (biasanya dirujuk sebagai “konflik bersenjata dalaman” atau “perang saudara”). Konflik bersenjata antarabangsa berlaku apabila pertempuran tercetus antara dua atau lebih negara. Konflik bersenjata yang bukan bersifat antarabangsa pula adalah situasi apabila tindakan-tindakan keganasan sering berlaku antara tentera kerajaan dan kumpulan bersenjata yang tersusun atau antara dua atau lebih kumpulan-kumpulan bersenjata bukan kerajaan. Sebagai contoh, sesuatu rusuhan atau peristiwa kekacauan politik yang ganas tidak diklasifikasikan sebagai suatu konflik bersenjata. UUKA mempunyai peraturan-peraturan yang berlainan bagi jenis konflik bersenjata yang berlaku. Peraturan-peraturan yang mengawal selia konflik bersenjata antarabangsa adalah lebih terperinci daripada peraturan-peraturan konflik bersenjata bukan antarabangsa. Namun, terdapat pemahaman yang semakin meningkat tentang keperluan untuk orang ramai dilindungi dalam semua situasi konflik.

Kedua-dua UUKA dan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa bertujuan untuk melindungi nyawa manusia, mengharamkan penyeksaan atau layanan kejam, menetapkan jaminan kehakiman yang asas, melarang diskriminasi dan mengawal selia aspek-aspek hak seperti hak kepada makanan dan kesihatan.

UUKA merangkumi peraturan-peraturan yang menangani isu-isu yang tidak terkandung dalam undang-undang hak asasi manusia, seperti tatacara pertempuran, status kombatan dan tawanan perang, dan perlindungan lambang palang merah, bulan sabit merah dan kristal merah. Aspek undang-undang hak asasi manusia, pula tertumpu pada aspek-aspek kehidupan pada masa aman dan yang tidak dikawal selia oleh UUKA seperti kebebasan media dan hak-hak untuk berhimpun, mogok dan mogok. Kewajipan utama untuk melaksanakan kedua-dua UUKA dan hak asasi manusia dipikul oleh negara-negara dan kedua-dua undang-undang tersebut menghendaki pihak kerajaan untuk menjadikan prinsip undang-undang antarabangsa relevan pada peringkat domestik.

# APAKAH KAITAN UUKA DENGAN “MENANGANI KEGANASAN EKSTREMISME”?

UUKA tidak mendefinisikan keganasan ekstremisme atau “terrorisme”, tetapi mengharamkan perbuatan yang dilakukan semasa konflik bersenjata yang biasanya dianggap sebagai tindakan keganasan. Di bawah Konvensyen-Konvensyen Geneva dan Protokol-Protokol Tambahannya, UUKA melarang sekeras-kerasnya tindakan ketika konflik bersenjata yang bertujuan menyebarkan ketakutan dan keganasan dalam kalangan populasi awam. Pelbagai tindakan yang boleh dianggap sebagai perbuatan mengganas (seperti serangan sembarangan, serangan ke atas orang awam dan harta benda awam, serangan ke atas rumah-rumah ibadat dan mengambil tebusan) adalah dilarang secara nyata dalam peruntukan khusus di bawah UUKA. Sesungguhnya, membezakan antara orang awam dan kombatan-kombatan dan larangan untuk melakukan serangan ke atas orang awam atau serangan sembarangan, merupakan asas UUKA.

Dalam pelaksanaan polisi-polisi dan program-program untuk ‘mencegah radikalisasi’, ‘menyah-radikalisasi’ (deradicalisation) atau ‘usaha menangani keganasan ekstremisme’, prinsip dan perlindungan asas UUKA terus terpakai. Pematuhan terhadap perlindungan dan prinsip-prinsip asas ini boleh mengelakkan kesan buruk bukan sahaja terhadap orang tahanan, tetapi juga masyarakat secara pelaksanaan polisi-polisi keseluruhannya. Matlamat utama adalah untuk melindungi orang awam daripada tindakan yang bersifat ganas. Keadaan penahanan dan layanan yang tidak berperikemanusiaan bukan sahaja bertentangan dengan kewajipan negara malah boleh

juga membatalkan usaha untuk mencegah 'radikalisasi' dan keganasan ekstremisme. Antara perlindungan dan prinsip yang perlu diberi perhatian termasuk layanan berperikemanusiaan kepada tahanan dan penghormatan kedaulatan undang-undang, penilaian risiko individu dan keperluan tahanan, sekatan undang-undang yang perlu dan sesuai, kakitangan pusat tahanan yang terlatih dan dikawal selia, penahanan mengikut undang-undang, persediaan dalam pembebasan dan penjagaan pasca pembebasan, dan keteraturan dan keselamatan tempat tahanan untuk semua tahanan.

## BAGAIMANAKAH UUKA MENGAWAL SELIA SENJATA TERTENTU?

UUKA memperuntukkan prinsip bahawa terdapat undang-undang yang megehadkan penggunaan senjata dan taktik oleh mereka yang terbabit dalam konflik bersenjata. Kombatan-kombatan adalah dilarang menggunakan senjata-senjata yang tidak dapat membezakan antara orang awam dan kombatan, atau yang boleh mengakibatkan penderitaan yang melampaui apa yang diperlukan untuk melumpuhkan keupayaan pihak lawan untuk menyerang. Penggunaan senjata-senjata yang boleh merosakkan alam semula jadi secara meluas, untuk jangkamasa yang lama dan teruk juga adalah dilarang.

Sesetengah senjata juga telah dianggap terlalu kejam sehingga masyarakat antarabangsa telah sepakat untuk mengharamkannya. Oleh itu, triti-triti antarabangsa yang khusus telah diperkenalkan untuk melarang atau mengawal penggunaan senjata-senjata tertentu seperti senjata biologi, kimia, laser yang membutuhkan, insendiari dan peluru 'dum-dum' (peluru yang meletup atau berkembang dalam badan manusia). Prinsip-prinsip asas yang terkandung dalam Konvensyen-Konvensyen Geneva dan Protokol-Protokol Tambahannya juga menjadi pemangkin kempen global dalam pengharaman periuk api pembinas anggota dan munisi kluster yang tidak tepat dan tidak stabil. Kempen-kempen ini telah menghasilkan Konvensyen Larangan Penggunaan, Pengumpulan Stok, Pengeluaran dan Pemindahan Periuk Api Pembinas Anggota 1997 (Konvensyen Ottawa), dan Konvensyen tentang Munisi Kluster 2008 (Konvensyen Oslo) yang berkuat kuasa tanggal 1 Ogos 2010.

Semasa suatu sesi meneroka Undang-Undang Kemanusiaan dalam bengkel yang dianjurkan di sebuah sekolah, para pelajar membentangkan peraturan undang-undang kemanusiaan yang telah mereka gubal.



# SIAPAKAH DAN APAKAH YANG LAMBANG-LAMBANG PERGERAKAN LINDUNGI?

Lambang-lambang berkecuali palang merah, bulan sabit merah dan kristal merah merupakan simbol-simbol antarabangsa bagi perlindungan dalam situasi konflik bersenjata. Lambang-lambang ini mengenal pasti orang atau kemudahan-kemudahan yang terlibat dalam pembekalan bantuan perubatan atau kemanusiaan, dan bermaksud “jangan serang!” dalam apa jua bahasa.

Kesannya, mereka yang memakai, atau bekerja di bawah naungan lambang-lambang ini hendaklah dilindungi pada setiap masa selagi mana mereka melaksanakan aktiviti-aktiviti kemanusiaan atau perkhidmatan perubatan. Golongan yang dilindungi termasuklah anggota perkhidmatan perubatan tentera yang diberi kuasa perlindungan semasa konflik bersenjata, pegawai agama yang berkhidmat dengan angkatan tentera dan pekerja bidang kemanusiaan, seperti para sukarelawan dan staf Palang Merah, Bulan Sabit Merah dan kakitangan ICRC. Anggota, unit dan pengangkutan perkhidmatan perubatan – sama ada tentera atau orang awam – yang menjalankan tugas kemanusiaan tidak boleh diserang atau dcederakan dan mestilah dikedualikan daripada konflik bersenjata. Oleh itu, atas dasar kewajipan perlindungan tersebut, sebarang serangan yang ditujukan terhadap mereka, serangan sembarangan yang memberi kesan terhadap mereka dan serangan yang boleh memudaratkan mana-mana anggota, unit dan pengangkutan perkhidmatan perubatan yang melampaui jangkaan kelebihan ketenteraan, adalah dilarang.

Lambang-lambang tersebut digunakan untuk menunjukkan bahawa UUKA memberi perlindungan kepada beberapa kategori orang yang tertentu sewaktu konflik bersenjata. Lambang-lambang tersebut juga digunakan sebagai pengenalan kepada orang atau objek tertentu yang berkaitan dengan Pergerakan. Apabila lambang-lambang tersebut digunakan untuk tujuan perlindungan, lambang-lambang itu mestilah boleh dilihat dari jarak sejauh mungkin dan boleh dipaparkan sebesar mana yang diperlukan. Sementara itu, apabila lambang tersebut digunakan untuk tujuan pengenalan, lambang itu hendaklah bersaiz kecil dan tidak boleh terpampang pada kain lilit lengan (armlet) atau bumbung bangunan. Lambang-lambang itu sendiri tidak memberikan perlindungan. Sebenarnya, yang memberi perlindungan adalah peraturan-peraturan UUKA yang juga memberikan perlindungan kepada golongan yang tercedera; dan sakit dan kepada kakitangan, kemudahan dan perkhidmatan perubatan. Penggunaan lambang-lambang tersebut untuk perlindungan dan untuk pengenalan perlu dibezakan bagi mengelakkan kekeliruan tentang mereka yang berhak untuk menggunakan lambang tersebut sebagai perlindungan dalam sesuatu konflik bersenjata.

Persatuan-Persatuan Kebangsaan seperti Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dibenarkan untuk mengguna pakai lambang-lambang Pergerakan itu pada masa

aman untuk menunjukkan bahawa seseorang atau sesuatu objek itu adalah sebahagian daripada Pergerakan dan menjalankan tugas mengikut Prinsip-Prinsip Asas Pergerakan.



Menghormati lambang-lambang palang merah, bulan sabit merah dan kristal merah adalah komponen penting UUKA. Sebarang penyalahgunaan lambang-lambang tersebut akan melemahkan kesan perlindungannya dan menjejaskan keberkesanan bantuan kemanusiaan yang dihulurkan kepada mangsa-mangsa.

Konvensyen-konvensyen Geneva mewajibkan negara-negara menggubal perundangan domestik untuk mengawal selia penggunaan lambang-lambang tersebut. Ini termasuk mengharamkan secara khusus penggunaan lambang tersebut untuk menyamar, yang merupakan suatu jenayah perang. Di Malaysia, lambang-lambang palang merah dan bulan sabit merah diiktiraf dalam Akta Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (sepertimana dipinda pada 1 Januari 2006), Akta Persatuan Palang Merah Malaysia (Pertukaran Nama) 1975, Akta Konvensyen-Konvensyen Geneva 1962 dan Peraturan Cap Dagangan 2019.

Sebelum ini, meskipun palang merah dan bulan sabit merah secara eksklusif merupakan lambang universal dan kemanusiaan, lambang-lambang itu juga pernah disalah anggap sebagai membawa maksud keagamaan, kebudayaan dan politik tertentu. Salah anggap ini telah sedikit sebanyak melunturkan sikap hormat terhadap lambang-lambang itu dan mengurangkan perlindungan yang ditawarkan kepada mangsa-mangsa dan para pemberi bantuan kemanusiaan yang bekerja semasa konflik.

Sebagai penyelesaian, negara-negara dan Pergerakan telah bersetuju untuk mewujudkan lambang ketiga yang dikenali sebagai “Lambang Protokol Ketiga” atau “kristal merah”.

Pada 2005, negara-negara pihak Konvensyen Geneva telah menerima pakai Protokol Tambahan III kepada Konvensyen-Konvensyen Geneva untuk mewujudkan kristal merah sebagai lambang perlindungan ketiga. Lambang kemanusiaan ketiga ini menawarkan perlindungan dalam keadaan apabila kedua-dua palang merah dan bulan sabit merah tidak dianggap berkecuali.

Nama Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia kekal dan tetap menggunakan lambang bulan sabit merah. Perkhidmatan perubatan Angkatan Tentera Malaysia juga dibenarkan mengenakan lambang bulan sabit merah pada pakaian seragam mereka untuk menunjukkan peranan mereka adalah dalam bidang perubatan sahaja dan untuk menunjukkan bahawa mereka wajib dilindungi. Kerajaan-kerajaan dan Persatuan-Persatuan Kebangsaan wajib menggalakkan kesedaran dan rasa hormat terhadap ketiga-tiga lambang itu. Sehingga kini, Malaysia belum lagi menyertai Protokol-Protokol Tambahan 1977 dan Protokol Tambahan III 2005. Namun begitu, telah wujud persefahaman bahawa melindungi kesemua lambang-lambang tersebut adalah penting dan merupakan sebahagian daripada pematuhan UUKA.

# APAKAH AKIBAT PELANGGARAN UUKA?

Negara-negara pihak triti UUKA terikat di sisi undang-undang untuk melakukan segala yang mampu untuk menghormati UUKA dan memastikan UUKA dihormati. Pelanggaran UUKA yang berat merupakan jenayah perang dan individu-individu, pada setiap lapisan masyarakat, boleh dipertanggungjawabkan secara peribadi di sisi undang-undang jenayah.

Tanggungjawab utama untuk menyasiat pelanggaran serius UUKA dan untuk mendakwa mereka yang dituduh melakukan jenayah perang terletak pada negara-negara, tanpa mengira di mana jenayah tersebut telah dilakukan. Perbuatan-perbuatan tertentu di bawah Konvensyen-Konvensyen Geneva dan Protokol Tambahan I, seperti pembunuhan dengan sengaja, penyeksaan atau layanan tidak berperikemanusiaan, rogol dan perbuatan sengaja yang lain yang mengakibatkan penderitaan atau kecederaan teruk terhadap badan atau kesihatan, mesti dihukum kerana ia dianggap sebagai pelanggaran Konvensyen-Konvensyen Geneva yang berat, dan merupakan jenayah perang yang paling serius. UUKA juga mewajibkan negara-negara untuk memburu tertuduh dan menghadapkan mereka ke mahkamah atau menyerahkan mereka kepada negara lain untuk dibicarakan. Pada masa yang sama, negara-negara juga perlu memastikan agar komander-komander tenteranya mencegah pelakuan jenayah perang dan mengambil tindakan ke atas mereka yang berada di bawah kawalan komander-komander tersebut yang telah melakukan pelanggaran berat. Selain itu, terdapat juga jenayah-jenayah perang di bawah Konvensyen-Konvensyen Geneva dan Protokol-Protokol Tambahannya yang mesti didakwa oleh semua negara, sama ada ia telah dilakukan dalam konteks konflik bersenjata antarabangsa ataupun konflik bersenjata bukan antarabangsa.

Selain pendakwaan dalam negeri, masyarakat antarabangsa telah menubuhkan beberapa tribunal antarabangsa sebagai forum tambahan kepada mahkamah domestik. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menubuhkan dua tribunal ad hoc untuk menangani jenayah-jenayah yang dilakukan di negara bekas Yugoslavia dan di Rwanda. Statut Rom tentang penubuhan Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) telah dibuka untuk tandatangan pada 17 Julai 1998 dan berkuat kuasa pada 2002. ICC ialah badan kehakiman tetap yang pertama diwujudkan dengan bidang kuasa jenayah antarabangsa yang serius, termasuk jenayah-jenayah perang, tidak kira sama ada ia dilakukan dalam konflik bersenjata antarabangsa ataupun konflik bersenjata bukan antarabangsa. ICC hanya akan mengambil tindakan apabila sesuatu negara itu tidak berupaya atau tidak mahu mendakwa mereka yang tertuduh melakukan jenayah dan yang berada dalam bidang kuasa wilayah negara tersebut. Kini, semakin banyak negara mewujudkan mekanisme untuk mendakwa mereka yang dituduh melakukan jenayah-jenayah perang, sebagai sebahagian daripada bidang kuasa domestik mereka termasuk dengan sokongan antarabangsa.

# APAKAH RELEVAN UUKA KEPADA MALAYSIA?

Semenjak berakhirnya Perang Dunia Kedua, Malaysia tidak terkesan secara langsung oleh konflik bersenjata antarabangsa dan konflik bersenjata bukan antarabangsa dan terselamat daripada bencana alam berskala besar seperti yang telah melanda negara-negara jiran. Walaupun begitu, memandangkan Malaysia berada di tengah-tengah rantau yang padat penduduk, memburu tidak menentu dan sering terdedah kepada bencana, kerajaan berturut-turut telah menyedari bahawa negara ini perlu bersiap siaga untuk menangani kecemasan kemanusiaan, baik di dalam negeri mahupun di luar sempadannya, di samping menghormati dan mempromosi penghormatan prinsip-prinsip UUKA. Peranan Malaysia yang kian berkembang dalam hal ehwal antarabangsa dan pendekatan pelbagai halanya serta keanggotaannya dalam badan-badan serantau utama seperti Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), telah menjadikan Malaysia rakan penting bagi ICRC dalam mempromosi kerja-kerja kemanusiaan serta penghormatan kepada undang-undang antarabangsa.

Walaupun Malaysia tidak terkesan secara langsung oleh konflik bersenjata di dalam sempadannya sejak tamatnya Perang Dunia Kedua, negara ini telah secara konsisten membuktikan komitmen teguhnya kepada Konvensyen-Konvensyen Geneva 1949 dan promosi serta pelaksanaan UUKA dan triti-triti antarabangsa yang lain. Demi menyokong matlamat jangka panjang kerajaan yang menekankan aspek moral, etika dan kemanusiaan dalam kehidupan awam, ICRC dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia bekerjasama untuk memupuk pemahaman mendalam tentang prinsip-prinsip kemanusiaan dan UUKA.

Menurut peruntukan tentang penyebaran pengetahuan UUKA yang terkandung dalam keempat-empat Konvensyen Geneva, negara-negara pihak mesti menguar-uarkan teks Konvensyen itu 'seluas mungkin di negara masing-masing' dengan penterjemahan jika perlu, termasuk ketika konflik bersenjata yang bukan antarabangsa, kepada semua pihak konflik sama ada pihak kerajaan ataupun kumpulan bersenjata bukan kerajaan. Pengetahuan tentang undang-undang itu merupakan pra syarat pematuhan UUKA. Penyebaran maklumat tentang undang-undang itu mampu memupuk sikap hormat terhadapnya. Namun begitu, pengetahuan semata-mata tidak mencukupi. Penyebaran juga adalah bertujuan untuk memberi pemahaman tentang semangat Konvensyen-Konvensyen Geneva dengan harapan agar isi kandungannya bukan sekadar publisiti tetapi dihayati.

Pembelajaran UUKA oleh anggota angkatan tentera adalah penting kerana mereka bertanggungjawab untuk mengamal kebanyakan daripada peruntutannya dan boleh terbabit dalam keadaan yang mana mereka boleh mendapat manfaat perlindungan UUKA. Oleh itu, pengetahuan tentang peruntukan-peruntukan UUKA yang melindungi mereka boleh membantu mengelakkan pelanggaran hak-hak mereka. Negara-negara

bukan sahaja wajar mengajar UUKA sebagai mata pelajaran teori malah mestilah memuatkan latihan praktikal dengan kerap, agar pematuhan terhadap UUKA menjadi suatu kebiasaan.

Kerjasama dengan universiti-universiti juga adalah penting bagi memupuk penghormatan UUKA. Dengan menggalakkan universiti untuk menawarkan kursus-kursus UUKA dan dengan membantu para profesor untuk mengajar subjek ini, dengan membantu para profesor untuk mengajar subjek ini, UUKA dapat mencapai pemimpin-pemimpin generasi akan datang. Pelajar yang mempelajari peraturan-peraturan yang terpakai sewaktu konflik bersenjata akan dapat terus mempromosikannya dan mengguna pakai prinsip-prinsip itu dalam kerjaya mereka pada masa hadapan.

Penyebaran peraturan dan prinsip konvensyen serta integrasi UUKA ke dalam doktrin ketenteraan memerlukan komitmen politik. Komander-komander tentera dan pihak berkuasa kerajaan, serta ahli-ahli Parlimen, kehakiman dan pegawai-pegawai penguat kuasa undang-undang, perlu mendukung usaha ini.

Konvensyen-Konvensyen Geneva mengandungi kewajipan-kewajipan ke atas negara dan mereka yang mewakili kerajaan negara. Ini adalah selain daripada peruntukan-peruntukan yang mempertanggungjawab kumpulan atau individu bukan kerajaan.

Apabila seluruh penduduk sesebuah negara telah sedar bahawa UUKA dapat membantu mewujudkan keadaan yang kondusif untuk menghormati undang-undang iaitu di mana prinsip dan peraturan yang membentuk UUKA, dapat digunapakai diterima, disokong dan dipertahan. Dalam keadaan itu, UUKA boleh diaplikasikan untuk menangani isu kemanusiaan yang spesifik kepada setiap konteks.

(Dari kiri ke kanan) Tuan Yang Terutama Duta Jean-François Paroz, Pesuruhjaya Persidangan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah ke-31, Christine Beerli, Naib Presiden ICRC, Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Richard Riot Anak Jaem, Encik Hisham Harun Hashim, Naib Pengerusi PBSMM semasa Persidangan UUKA Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Komanwel Ketiga.





# APAKAH HUBUNG KAIT ANTARA UUKA DENGAN PERGERAKAN PALANG MERAH DAN BULAN SABIT MERAH ANTARABANGSA (RCRC)?

## Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia

Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) bermula pada 1948 sebagai cawangan Persatuan Palang Merah British di Sabah dan Sarawak (dahulunya dikenali sebagai *British North Borneo*). Pada tahun 1950an, Persatuan Palang Merah British menubuhkan cawangan baharu di bahagian-bahagian lain Malaysia, bermula di Pulau Pinang pada 1950 dan diikuti oleh negeri-negeri lain.

Sebaik sahaja Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 1957, cawangan-cawangan di Semenanjung Malaysia disusun sebagai Persatuan Palang Merah Persekutuan Tanah Melayu sebelum diperbadankan melalui Akta Persatuan Palang Merah Persekutuan Tanah Melayu (Pemerbadanan) 1962. PBSMM menerima pengiktirafan rasmi daripada ICRC, sebagai Persatuan Kebangsaan yang bebas, pada 4 Julai 1963 dan selanjutnya diterima masuk selaku anggota Liga Antarabangsa (kini dipanggil Persekutuan Antarabangsa) Persatuan-Persatuan Palang Merah pada 24 Ogos 1963.

Apabila Malaysia terbentuk pada September 1963, suatu Akta untuk memperbadankan Persatuan Palang Merah Persekutuan Tanah Melayu dan cawangan-cawangan Persatuan Palang Merah di Sabah dan Sarawak sebagai Persatuan Palang Merah Malaysia telah diluluskan di Parlimen, iaitu Akta Persatuan Palang Merah Malaysia (Pemerbadanan) 1965. Pada 1975, Parlimen Malaysia meluluskan Akta Persatuan Palang Merah Malaysia (Pertukaran Nama), yang menerima Perkenan Diraja pada 21 Ogos 1975 dan kemudiannya diwartakan pada 4 September 1975.

Perundangan berkaitan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia adalah berdasarkan Konvensyen-Konvensyen Geneva yang telah Malaysia sertai dan Statut-Statut dan Prinsip-Prinsip Asas Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa. Akta Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (Pemerbadanan) 1965 mengesahkan status undang-undang Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia. Akta itu juga menyatakan objektif-objektif persatuan yang perlu dicapai tanpa sebarang perbezaan berdasarkan jantina, kaum, kerakyatan, agama atau kepercayaan, pendapat politik atau apa-apa kriteria lain. Tiga fungsi utama diamanahkan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia menurut akta tersebut. Pertama, membantu usaha menambahbaik kesihatan, mencegah penyakit dan meringankan penderitaan di seluruh dunia. Kedua, menghulurkan bantuan kepada mereka yang sakit dan tercedera ketika konflik bersenjata. Akhirnya, melaksanakan semua tugas yang diberikan oleh Malaysia berpandukan Konvensyen-Konvensyen Geneva. Persatuan Bulan

Sabit Merah Malaysia, sebagai auktorsiliari kepada pihak berkuasa awam, mempunyai hubungan yang tersendiri dengan semua peringkat kerajaan di Malaysia dan boleh menggembeng serta menggiatkan populasi awam untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa secara berkecuali dan saksama demi meringankan penderitaan manusia.

Aktiviti-aktiviti Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia termasuk yang berikut:

- Latihan Pertolongan Cemas
- Perkhidmatan Ambulans
- Perkhidmatan Kesihatan dan Kemasyarakatan
- Jantina dan Kepelbagaian
- Sokongan Psikososial
- Kesedaran Keselamatan Jalan Raya
- Pemulihan Pertalian Kekeluargaan
- Pengurusan Bencana
- Promosi dan penyebaran mengenai UUKA
- Pembangunan Belia

Semasa satu Kem Kebangsaan Palang Merah Bulan Sabit Merah Malaysia yang dianjurkan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, para peserta membincangkan pelanggaran UUKA yang dikenal pasti melalui main peranan yang berlangsung dalam sesi sebelumnya. Persatuan-Persatuan Kebangsaan seperti PBSMM berperanan penting dalam mempromosikan undang-undang kemanusiaan.



Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia bukanlah sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atas dua sebab. Pertama, peranan auksiliari menjadikannya rakan kerjasama yang unik bagi pihak berkuasa pada peringkat kebangsaan, negeri serta tempatan tempatan, dan peranan ini mestilah dilaksanakan sejajar dengan Prinsip-Prinsip Asas Pergerakan. Peranan ini sangat penting apabila Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia menyebarkan maklumat tentang UUKA dan menjalankan kerja-kerjanya ketika darurat dan bencana di peringkat kebangsaan. Garis panduan baharu mengenai Undang-Undang Respons Bencana Antarabangsa secara khusus menyebut peranan penting Persatuan Kebangsaan seperti Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia.

Kedua, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia bukanlah sebuah NGO kerana kerana status perundangan lambang-lambang yang digunakan oleh Pergerakan dan peranannya di sisi undang-undang. Lambang-lambang ini bukanlah “logo”; bahkan, lambang-lambang ini dikawal selia di bawah undang-undang antarabangsa dan domestik serta hendaklah digunakan dalam keadaan yang tertentu sahaja. Lambang-lambang ini diiktiraf di seluruh dunia sebagai simbol yang menawarkan perlindungan.

Pergerakan – terutamanya ICRC – masih memastikan bahawa UUKA terus relevan dalam konflik masa kini. ICRC memantau isu-isu UUKA di seluruh dunia dan menggunakan kepakaran teknikalnya dalam UUKA untuk bekerjasama dengan negara-negara bagi menjelaskan, membangunkan dan memperkukuhkan undang-undang tersebut. Kerja-kerja operasi dan praktikal Pergerakan dalam membantu mangsa ketika konflik bersenjata meningkatkan kebolehpercayaan terhadap hubungan perundangan yang kukuh antara Pergerakan dan UUKA.

Oleh sebab status bagi undang-undang antarabangsa yang istimewa, Pergerakan juga mempunyai cara tersendiri dalam melaksanakan kerjanya, di mana Pergerakan tidak menyebelahi mana-mana pihak dalam permusuhan atau melibatkan diri dalam apa-apa kontroversi. Dalam banyak situasi, ICRC juga menjalankan tugasnya secara sulit, apa jua dalam berurusan dengan pihak berkuasa tanpa menzahirkan kebimbangannya secara awam terlebih dahulu. Begitu juga dengan Persatuan-Persatuan Kebangsaan dan penglibatan mereka dalam kerja-kerja advokasi kemanusiaan mereka: di mana mereka menjalankan kerja-kerja kemanusiaan atas dasar hormat kepada semua dan memberi bantuan tanpa diskriminasi berbanding dengan terlibat dalam politik tempatan.

ICRC dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia membantu migran yang ditahan untuk mengisi Mesej Palang Merah, bagi membantu mereka kekal berhubung dengan keluarga. Mesej Palang Merah adalah sebahagian daripada perkhidmatan kemanusiaan yang diberikan melalui program “Pemulihan Pertalian Kekeluargaan” (*Restoring Family Links*) yang disediakan oleh ICRC dan Persatuan-Persatuan Kebangsaan di seluruh dunia, untuk mengesan lokasi orang, menyediakan kemudahan surat-menyurat, menemukan semula ahli keluarga dan menentusahkan keadaan mereka yang telah hilang.



## ICRC di Malaysia

Delegasi Serantau ICRC di Kuala Lumpur telah bekerjasama dengan Malaysia sejak tahun 1972. Delegasi ini memantau aktiviti-aktiviti di Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam dengan mempromosikan UUKA dan prinsip-prinsip kemanusiaan sejagat bersama dengan Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah di negara-negara ini. Pada masa kini, Delegasi ini mempunyai seramai 45 kakitangan warga Malaysia dan antarabangsa. Sejak 2012, ICRC telah menubuhkan pejabat cawangan di Kota Kinabalu, Sabah dengan bantuan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia.

## Memberi sokongan kepada Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan

Meskipun kerja-kerja ICRC di Malaysia berkaitan tahanan tidak melibatkan aplikasi UUKA, ICRC menawarkan perkhidmatan dan kepakarannya dalam bidang ini kepada kerajaan-kerajaan lain yang dapat memanfaatkannya. Pengalaman ICRC selama 100 tahun melawat pusat-pusat tahanan ditawarkan kepada kerajaan Malaysia dan kerajaan-kerajaan lain di Asia Tenggara yang menghadapi cabaran migrasi.

Di Malaysia, ICRC berdialog dengan pihak berkuasa berkenaan isu-isu orang dalam tahanan dan golongan rentan yang lain sejak 2009. ICRC mula melawat Pusat-Pusat Tahanan Imigresen (PTI) di Malaysia pada 2010 dan penjara-penjara pada 2011. ICRC sejak itu telah memberi sokongan kepada Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia dan Pasukan Petugas Khas Persekutuan di Sabah dalam usaha mereka memastikan keadaan dan layanan terhadap tahanan di Malaysia mencapai piawaian kebangsaan dan antarabangsa.

Lawatan tersebut biasanya melibatkan kakitangan ICRC warga Malaysia dan ekspatriat mengunjungi PTI/penjara untuk menemu ramah orang tahanan secara individu. Laporan sulit dua hala disediakan oleh ICRC untuk Komandan atau Pengarah PTI, pusat tahanan sementara atau penjara. Pada tahun 2018, ICRC telah melawat lebih daripada 25,418 orang tahanan, termasuk migran dan tahanan *common law* di lapan (8) PTI, satu (1) pusat tahanan sementara dan 10 penjara, termasuk satu (1) pusat juvana.

Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia bekerjasama dengan ICRC dan pihak berkuasa berkenaan untuk memulihkan hubungan antara orang tahanan, keluarga mereka dan masyarakat rentan yang lain. Usaha itu dilakukan dengan cara menyampaikan surat-menyurat antara ahli keluarga, membantu mengesan orang yang hilang jika perlu dan menyatukan semula keluarga apabila sesuai. Pada 2018, ICRC dan PBSMM telah membantu ahli keluarga yang terpisah — iaitu kebanyakannya migran yang ditahan - untuk berhubung semula dengan ahli keluarga mereka melalui jaringan 'Restoring Family Links' ('Pemulihan Pertalian Kekeluargaan'). Usaha ini telah berjaya menyampaikan lebih daripada 300 Mesej Palang Merah, 3,300 panggilan telefon dan 190 mesej lisan.

Seorang delegasi ICRC berbincang dengan dua orang tahanan dalam suatu lawatan ke penjara. ICRC melawat orang tahanan di lebih 90 negara dan wilayah di serata dunia dengan tujuan memastikan layanan dan keadaan tahanan untuk semua orang tahanan adalah berperikemanusiaan, serta membantu memelihara hubungan orang tahanan dengan keluarga dan sanak saudara mereka.



### Memberi sokongan dalam penyebaran maklumat tentang UUKA

Selari dengan misinya untuk melindungi dan membantu golongan yang terkesan daripada konflik atau situasi keganasan yang lain, ICRC bekerjasama dengan Kementerian Luar Negeri, Jawatankuasa UUKA Malaysia (JUKAM), dan Jabatan Peguam Negara untuk mempromosi UUKA. Lebih-lebih lagi, ICRC bekerjasama rapat dengan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan untuk menyebarkan UUKA dalam kalangan Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia melalui bengkel-bengkel khusus. ICRC juga bekerjasama dengan para pelajar dan ahli-ahli akademik dalam bidang UUKA melalui program-program tahunan seperti Pertandingan Mahkamah Mut UUKA Malaysia dan Pertandingan Main Peranan UUKA Peringkat Kebangsaan. Contoh usaha-usaha ICRC di Malaysia dalam mempromosi UUKA termasuklah:

- Kerajaan Malaysia menjadi tuan rumah bagi Persidangan Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Komanwel Ketiga pada Jun 2011, anjuran ICRC dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dengan sokongan *Foreign & Commonwealth Office United Kingdom* dan *British Red Cross*.
- Pada Oktober 2012, Kerajaan Malaysia dan ICRC menjadi tuan rumah bagi *Senior Workshop on International Rules governing Military Operations (SWIRMO)* yang keenam di Kuala Lumpur diadakan buat julung kali di Asia. Pegawai kanan tentera dari 70 negara telah menghadiri bengkel itu.
- Pada April 2013, ICRC menganjurkan Rundingan Asia dan Timur Tengah tentang Pemerkasaan Perlindungan Undang-Undang untuk Mangsa Konflik Bersenjata.
- Pada April 2015, ICRC menganjurkan Persidangan Serantau tentang Pemerkasaan UUKA untuk Asia Timur dan Tenggara. Dato' Ho May Yong, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri telah merasmikan persidangan itu manakala Tuan Yang Terutama Professor Dr. Rahmat Mohamad, Setiausaha Agung Pertubuhan Perundingan Undang-Undang Asia-Afrika (AALCO) telah menyampaikan ucapan.
- Pada Ogos 2017, Dato' Sri Mohd Johari Baharom, Timbalan Menteri Pertahanan telah melancarkan Pusat Undang-Undang Tentera dan Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa (CoMIHL). Pusat itu dikelolakan oleh Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dengan kerjasama ICRC. CoMIHL terletak di kampus UPNM. Sejak 2017, CoMIHL dan ICRC telah mengadakan beberapa kursus seperti Undang Konflik Bersenjata di Laut untuk Peguam-Peguam Tentera, Undang-undang Konflik Bersenjata di Laut untuk Pengendali dan Perbincangan Meja Bulat Peguam-Peguam Kanan Tentera. Kursus-kursus tersebut turut dihadiri pegawai tentera dari negara-negara serantau.
- Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan ICRC telah menganjurkan pertandingan mahkamah mut dan pertandingan main peranan UUKA untuk para pelajar setiap tahun.

Seorang pelajar undang-undang mewakili Malaysia dalam Pertandingan Serantau Mahkamah Mut Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa yang diadakan di Hong Kong. Pertandingan mahkamah mut UUKA banyak menarik minat terhadap isu-isu UUKA dan kemanusiaan dalam kalangan pelajar dan pengajar.



(Dari kiri ke kanan) Biljana Milosevic, Ketua Delegasi Serantau ICRC Kuala Lumpur; YTM Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Tunku Temenggong Kedah, Pengerusi Kebangsaan PBSMM; dan Tan Sri Azhar Azizan Harun, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia, ketika lawatan kehormat ICRC-PBSMM kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat.



## APAKAH PERANAN AHLI-AHLI PARLIMEN?

Ahli-ahli Parlimen boleh mengambil pelbagai langkah untuk mempromosi penghormatan terhadap UUKA. Antara tindakan ini termasuklah memastikan bahawa negara mereka menyertai triti-triti UUKA, menggubal undang-undang untuk melaksanakan kewajipan UUKA dalam negara secara berkesan, melindungi lambang-lambang dan menyokong penyebaran maklumat tentang UUKA dalam masyarakat.

## MEMASTIKAN PENYERTAAN MALAYSIA DALAM TRITI-TRITI UUKA YANG RELEVAN

Apabila sebuah negara menyertai triti-triti UUKA, negara itu bukan sahaja mengikat dirinya kepada peruntukan triti tersebut, malah juga memperkasa, secara simbolik, prinsip-prinsip yang terkandung dalam bidang undang-undang antarabangsa ini. Hakikat bahawa kesemua negara di dunia telah menyertai Konvensyen-Konvensyen Geneva 1949 menunjukkan bahawa triti-triti ini telah mendapat sokongan seluruh masyarakat antarabangsa, sekaligus memberikan triti-triti ini kewibawaan yang meyakinkan.

Sehingga kini, Malaysia telah menyertai triti-triti UUKA berikut:

- Protokol Geneva 1925 tentang Gas yang Menyesakkan Nafas atau Beracun dan tentang Kaedah Peperangan Secara Bakteriologi
- Konvensyen Hague 1954 untuk Perlindungan Harta Budaya dalam Konflik Bersenjata dan Protokol Pertamanya.
- Konvensyen mengenai Pencegahan dan Hukuman Jenayah Genosid 1948
- Konvensyen-Konvensyen Geneva 1949
- Konvensyen mengenai Senjata Biologi 1972

### Bagaimanakah negara-negara menyertai sesuatu triti?

Ada dua cara untuk menyertai sesuatu triti: melalui tandatangan dan ratifikasi atau penerimaan masuk (*accession*).

### Tandatangan dan ratifikasi

Lazimnya triti-triti terbuka untuk tandatangan buat suatu jangka masa terhad sahaja setelah siap didraf iaitu sehingga triti itu berkuat kuasa. Negara yang telah menandatangani triti wajib mengelakkan tindakan yang melanggar matlamat dan maksud triti itu. Walau bagaimanapun, bagi menandakan komitmen padu, negara itu mestilah meratifikasikan triti yang telah ditandatangani itu. Apabila suatu negara meratifikasi triti, negara itu boleh meletakkan pengecualian terhadap unsur tertentu triti tersebut selagi tidak “bercanggah dengan maksud dan matlamat” triti dan tidak “menjejaskan inti patinya”.

### Penerimaan masuk

Sebuah negara boleh diterima masuk ke dalam suatu triti walaupun triti itu tidak lagi terbuka untuk penandatanganan. Prosedur serta kesannya sama sahaja dengan ratifikasi — bezanya cuma dari segi waktu.

- Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak 1989
- Konvensyen mengenai Senjata Kimia 1993
- Konvensyen mengenai Periuk Api Pembina Anggota 1997
- Protokol Pilihan 2000 tentang Penglibatan Kanak-Kanak dalam Konflik Bersenjata
- Triti Mengenai Pengharaman Senjata Nuklear 2017

Apabila sesebuah Negara menyertai sesuatu triti antarabangsa, negara itu mesti memaklumkan perkara itu kepada depositori triti tersebut. Dalam proses ini, peranan ahli-ahli Parlimen adalah penting. Ahli-ahli Parlimen boleh menarik perhatian kerajaan terhadap triti-triti UUKA yang belum disertai Malaysia; mereka juga boleh menggalakkan kerajaan untuk menandatangani triti-triti UUKA yang berkenaan.

## MENGGUBAL PERUNDANGAN PELAKSANAAN

Apabila sesebuah negara menandatangani suatu triti antarabangsa, triti itu perlu dilaksanakan melalui perundangan domestik untuk mengikat pihak-pihak yang dikawal selia dan memastikan pelanggaran kewajipan di bawah triti tersebut dapat dikuatkuasakan oleh mahkamah tempatan.

Antara unsur penting UUKA yang perlu diterap ke dalam perundangan domestik adalah kuasa untuk mendakwa individu-individu yang telah melanggar UUKA. Mahkamah dalam negeri memainkan peranan utama dalam menghukum penjenayah perang. Dalam kebanyakan keadaan, sesuatu negara itu hanya boleh menjatuhkan hukuman ke atas warganegaranya sendiri atau perlakuan jenayah di dalam wilayah negara itu. Walau bagaimanapun, masyarakat antarabangsa telah bersetuju bahawa sesetengah jenayah adalah begitu berat sehinggakan ia perlu dikesualkan daripada prinsip ini. Triti-triti antarabangsa seperti Konvensyen-Konvensyen Geneva juga mewajibkan negara-negara pihaknya untuk mencari dan mendakwa penjenayah perang tanpa mengira kewarganegaraannya atau di mana jenayah itu dilakukan. Sebagai alternatif, sesuatu negara juga boleh menyerahkan penjenayah itu kepada negara lain yang telah memohon ekstradisi bagi penjenayah perang tersebut. Prinsip ini dikenali sebagai “bidang kuasa sejagat” (“*universal jurisdiction*”).

Triti-triti UUKA yang lain pula menghendaki tindakan-tindakan yang lebih spesifik, misalnya menggubal dan melaksanakan undang yang mengharamkan penggunaan atau pembangunan senjata tertentu.

Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan utama dalam meluluskan perundangan yang berkaitan dengan UUKA. Peranan ini termasuk meneliti dan membahaskan rang undang-undang berkenaan sebelum ia diluluskan sebagai Akta Parlimen.

# MELINDUNGI LAMBANG-LAMBANG PERGERAKAN

Palang merah, bulan sabit merah dan kristal merah adalah lambang-lambang yang diiktiraf oleh UUKA sebagai simbol perlindungan khusus bagi kategori anggota, unit, dan pengangkutan perubatan tertentu ('kegunaan perlindungan'), selain memperkenalkan orang atau objek-objek yang mempunyai kaitan dengan Pergerakan ('kegunaan pengenalan'). Penggunaan lambang-lambang ini dikawal oleh Konvensyen-Konvensyen Geneva 1949, Protokol Tambahan I dan Protokol Tambahan II 1977, Protokol Tambahan III 2005 dan perundangan domestik negara yang berkenaan. Peruntukan tersebut menakrifkan individu-individu dan perkhidmatan yang berhak menggunakan lambang-lambang ini dan tujuan tertentu di mana ia boleh digunakan. Penggunaan lambang-lambang itu sentiasa dikawal selia — baik ketika masa aman mahupun semasa konflik bersenjata. Sebarang penggunaan lambang-lambang di luar garis panduan UUKA dianggap sebagai tidak wajar.

Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan yang penting dalam mempromosi penghormatan lambang-lambang dengan memastikan negara mereka menguatkuasakan undang-undang yang melarang penyalahgunaan lambang dan yang menjelaskan langkah-langkah yang perlu diambil (sebagai contoh, jika klinik-klinik perubatan dalam kawasan pilihan raya mereka mengiklankan perkhidmatan dengan menggunakan lambang bulan sabit merah). Dalam perbincangan dengan para pengundi mereka, ahli-ahli Parlimen sebagai pemimpin masyarakat berpeluang untuk menyebarkan maklumat tentang lambang Pergerakan dan boleh mencari penyelesaian positif dalam situasi-situasi penyalahgunaan lambang-lambang tersebut. Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia menggunakan lambang bulan sabit merah seperti yang dibenarkan di bawah Akta Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (Pemerbadanan) 1965, Akta Persatuan Palang Merah Malaysia (Pertukaran Nama) 1975, Akta Konvensyen-Konvensyen Geneva 1962 dan Peraturan Cap Dagangan 2019. Lambang Bulan Sabit Merah juga diguna pakai oleh kor kesihatan Angkatan Tentera Malaysia, seperti yang diperuntukkan di bawah Konvensyen-Konvensyen Geneva.

# MENYEBARKAN PENGETAHUAN TENTANG UUKA

Triti-triti UUKA menghendaki negara-negara untuk mengambil langkah dalam menyebarkan ilmu pengetahuan tentang UUKA. Adalah sangat penting bagi anggota angkatan tentera untuk mengamalkan peraturan-peraturan berkenaan dalam kelakuan ketenteraan dan sedar akan kewajipan undang-undang mereka.

Bagi memastikan negara mematuhi UUKA, adalah juga penting bagi masyarakat umum memahami dan menyokong had penggunaan kuasa ketenteraan sebagaimana yang ditetapkan oleh UUKA. Orang awam juga perlu tahu akan status perlindungan lambang-lambang Pergerakan dan larangan penyalahgunaannya.


Negara bertanggungjawab dalam memastikan agar angkatan tenteranya terlatih dalam UUKA dan agar ahli-ahli Parlimen boleh memantau keberkesanan latihan tersebut. Oleh sebab kedudukan ahli-ahli Parlimen, mereka juga mempunyai kuasa dan peluang untuk menggalakkan perbincangan ilmiah tentang topik-topik yang berkaitan dengan UUKA dalam masyarakat. Dalam hal ini, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia sedia bekerjasama dengan ahli-ahli Parlimen sebagai pemimpin masyarakat dalam program-program meningkatkan kesedaran. Hal ini adalah kerana sebagai pemimpin masyarakat, kedudukan ahli-ahli Parlimen dapat memberi lebih keyakinan kepada orang awam mengenai mesej-mesej penting berkaitan UUKA.

Negara-negara pihak Konvensyen-Konvensyen Geneva seperti Malaysia bukan sahaja dikehendaki menghormati UUKA tetapi juga wajib "memastikan penghormatan" terhadap UUKA. Hal ini bermaksud apabila peraturan UUKA dilanggar, tekanan perlu diberikan supaya pelanggaran itu berhenti. Kewajipan ini boleh dilaksanakan dengan cara memberikan peringatan kepada negara berkenaan tentang tanggungjawabnya di bawah UUKA dan menegaskan bahawa pelanggaran itu tidak akan ditoleransi. Tekanan daripada orang awam terhadap badan perundangan agar tindakan politik diambil adalah penting. Begitu juga dengan gesaan oleh ahli-ahli Parlimen. Ahli-ahli Parlimen berupaya untuk menuntut supaya siasatan dilakukan atau mencadangkan kenyataan-kenyataan yang menyuarakan kebimbangan Parlimen. Kerap kali, ahli-ahli Parlimen juga berupaya untuk memperjuangkan UUKA di dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

Penyebaran maklumat tentang undang-undang kemanusiaan antarabangsa kepada anggota polis dan angkatan tentera



Muka surat pertama Konvensyen Geneva bertarikh 22 Ogos 1864. Konvensyen ini adalah instrumen antarabangsa pertama yang diterima pakai untuk melindungi mangsa perang, iaitu anggota angkatan tentera yang tercedera atau sakit.



Switzerland © ICRC

# APAKAH TRITI-TRITI UUKA YANG UTAMA?



### **Triti-triti tentang perlindungan mangsa perang**

- Konvensyen untuk membaiki keadaan anggota-anggota angkatan tentera yang tercedera dan sakit semasa berada di medan perang (Konvensyen Geneva Pertama) Geneva, 12 Ogos 1949  
*Melindungi kombatan yang tercedera dan sakit, kakitangan yang merawat mereka, bangunan tempat mereka berlindung dan peralatan yang digunakan untuk manfaat mereka. Juga mengawal selia penggunaan lambang palang merah dan bulan sabit merah.*
- Konvensyen untuk membaiki keadaan anggota-anggota angkatan tentera yang tercedera, sakit dan karam di laut (Konvensyen Geneva Kedua) Geneva, 12 Ogos 1949  
*Memperluas perlindungan kepada kombatan-kombatan yang karam dan mengawal selia keadaan di mana mereka boleh dibantu.*
- Konvensyen tentang layanan tawanan-tawanan perang (Konvensyen Geneva Ketiga) Geneva, 12 Ogos 1949  
*Melindungi anggota-anggota angkatan tentera yang telah ditawan. Memperuntukkan peraturan tentang layanan terhadap mereka serta hak-hak dan kewajipan kuasa yang menahan.*
- Konvensyen tentang perlindungan orang awam ketika peperangan (Konvensyen Geneva Keempat) Geneva, 12 Ogos 1949  
*Menyatakan peraturan-peraturan tentang perlindungan populasi orang awam, terutamanya layanan terhadap orang awam di wilayah diduduki, mereka yang dilucutkan kebebasan dan pendudukan secara am.*
- Protokol Tambahan kepada Konvensyen-Konvensyen Geneva bertarikh 12 Ogos 1949, berkaitan perlindungan mangsa-mangsa konflik bersenjata antarabangsa (Protokol I)  
8 Jun 1977  
*Memperluas perlindungan kepada orang awam dan mengehendaki cara dan kaedah peperangan.*
- Protokol Tambahan kepada Konvensyen-Konvensyen Geneva bertarikh 12 Ogos 1949, berkaitan perlindungan mangsa-mangsa konflik bersenjata yang bukan antarabangsa (Protokol II)  
8 Jun 1977  
*Mengandungi jaminan-jaminan asas untuk orang yang tidak terlibat dalam pertempuran ketika konflik bersenjata bukan antarabangsa, menyatakan peraturan-peraturan tentang perlindungan orang awam dan objek-objek serta pemasangan-pemasangan yang penting untuk kemandirian mereka.*

- Protokol Pilihan kepada Konvensyen Hak Kanak-Kanak tentang Penglibatan Kanak-Kanak dalam Konflik Bersenjata  
25 Mei 2000  
*Menghendaki negara-negara pihak untuk mengambil semua langkah munasabah bagi memastikan bahawa anggota-anggota angkatan tentera mereka yang belum mencapai umur 18 tahun tidak terlibat dalam permusuhan.*
- Protokol Tambahan kepada Konvensyen-Konvensyen Geneva bertarikh 12 Ogos 1949, berkaitan dengan penerimapaakaian lambang tambahan tersendiri (Protokol III)  
8 Disember 2005  
*Memperuntukkan lambang baharu, lazimnya dikenali sebagai kristal merah, untuk digunakan di samping palang merah dan bulan sabit merah sebagai lambang perlindungan.*

### **Triti-triti yang menyekat atau melarang penggunaan senjata-senjata tertentu**

- Konvensyen larangan pembangunan, pengeluaran dan pengumpulan stok senjata bakteriologi (biologi) dan toksin dan pemusnahan senjata-senjata tersebut  
10 April 1972  
*Melarang Negara-Negara Pihak daripada membangunkan, mengeluarkan, mengumpul stok atau sebaliknya, memperoleh atau menyimpan: memperoleh atau menyimpan dalam apa jua cara:*
  1. Ejen mikrob atau biologi yang lain, atau toksin-toksin, walau apa jua asal atau cara penghasilannya, atau jenis dan dalam jumlah yang tiada sebab kegunaan bagi tujuan profilaktik, perlindungan atau tujuan aman yang lain;
  2. Alatan atau kaedah penyampaian yang direka untuk menggunakan ejen atau toksin tersebut bagi tujuan pertempuran atau dalam konflik bersenjata.
- Konvensyen larangan atau sekatan penggunaan senjata-senjata konvensional tertentu yang boleh menyebabkan mudarat yang melampau atau kesan sembarangan  
Geneva, 10 Oktober 1980, dipinda pada 21 Disember 2001  
*Menyediakan rangka kerja protokol-protokol untuk melarang penggunaan senjata-senjata tertentu. Pada masa ini, terdapat lima protokol di bawah Konvensyen ini.*
- Protokol I: Protokol tentang serpihan-serpihan yang tidak dapat dikesan Geneva, 10 Oktober 1980  
*Melarang penggunaan senjata yang mencederakan melalui serpihan-serpihan yang tidak dapat dikesan oleh sinar-X.*

- Protokol II: Protokol larangan atau sekatan penggunaan periuk api, jerangkap samar dan alat-alat lain  
Geneva, 10 Oktober 1980, dipinda pada 3 Mei 1996  
*Melarang penggunaan periuk api, jerangkap samar dan alat-alat lain terhadap populasi awam dan mengehadkan penggunaannya terhadap sasaran ketenteraan. Protokol yang telah dipinda memperluas skop larangan alat-alat itu dan skop perlindungan kepada konflik-konflik dalam negeri.*
- Protokol III: Protokol larangan atau sekatan penggunaan senjata insendiari  
Geneva, 10 Oktober 1980  
*Melarang penggunaan senjata-senjata pembakar terhadap orang dan objek awam dan mengehadkan penggunaannya terhadap sasaran ketenteraan.*
- Protokol IV: Protokol tentang senjata-senjata laser yang membutuhkan  
Geneva, 13 Oktober 1995  
*Melarang penggunaan senjata-senjata laser yang direka khusus untuk menyebabkan buta kekal.*
- Protokol V: Protokol tentang Sisa-Sisa Bahan Letup Perang  
28 November 2003  
*Mengagihkan tanggungjawab atas sisa-sisa bahan letup perang dan memudahkan penandaan dan pembuangan, pemindahan atau pemusnahan sisa-sisa bahan letup perang seperti peluru bedil, peluru meriam, bom tangan, munisi kluster, bom-bom dan senjata-senjata seumpamanya yang sering ditemui selepas perang tamat.*
- Konvensyen larangan pembangunan, pengeluaran, pengumpulan stok dan penggunaan senjata kimia dan pemusnahannya  
Paris, 13 Januari 1993  
*Melarang senjata kimia.*
- Konvensyen larangan penggunaan, pengumpulan stok, pengeluaran dan pemindahan periuk api peminasa anggota dan pemusnahannya (Konvensyen Ottawa)  
Ottawa, 3-4 Disember 1997  
*Melarang periuk api peminasa anggota (periuk api darat).*
- Konvensyen tentang munisi kluster (Konvensyen Oslo)  
Oslo, 3 Disember 2008  
*Melarang penggunaan munisi kluster yang tidak tepat dan tidak stabil.*
- Triti Perdagangan Senjata  
2 April 2013  
*Mengawal selia pemindahan antarabangsa senjata-senjata, amunisi dan bahagian-bahagian serta komponen-komponen konvensional, demi meringankan*

*penderitaan manusia serta menghendaki supaya sebarang keputusan tentang pemindahan senjata mempertimbangkan aspek kemanusiaan, dengan melarang pemindahan yang membawa risiko kejadian jenayah perang atau pelanggaran serius undang-undang hak asasi manusia antarabangsa. Meskipun triti ini bukanlah bersifat UUKA sepenuhnya, salah satu prinsip utama yang menjadi asas kepada triti ini secara terang mengiktiraf kewajipan negara-negara untuk mematuhi dan memastikan pematuhan UUKA.*

- Triti Mengenai Pengharaman Senjata Nuklear  
7 Julai 2017  
*Perjanjian pelbagai hala antarabangsa yang pertama untuk melarang, secara menyeluruh, senjata-senjata nuklear di samping menangani kesan kemanusiaan penggunaan dan ujian senjata nuklear.*

### **Triti-triti tentang perlindungan objek-objek tertentu**

- Konvensyen untuk perlindungan harta kebudayaan dalam konflik bersenjata  
The Hague, 14 Mei 1954  
*Melindungi monumen-monumen seni bina, kesenian atau bersejarah, dan harta kebudayaan yang lain.*
- Protokol untuk perlindungan harta kebudayaan dalam konflik bersenjata  
The Hague, 14 Mei 1954  
*Memperuntukkan langkah-langkah pencegahan eksport harta kebudayaan dari wilayah yang diduduki, dan untuk memastikan penjagaan dan pemulangan harta tersebut.*
- Protokol Kedua untuk perlindungan harta kebudayaan dalam konflik bersenjata  
The Hague, 26 Mac 1999  
*Memperkasa perlindungan harta kebudayaan, penguatkuasaan terhadap pelanggaran dan memperluas aplikasinya kepada konflik dalam negeri.*
- Konvensyen tentang larangan menggunakan teknik-teknik pengubahsuaian alam sekitar bagi tujuan kegunaan ketenteraan atau kegunaan lain  
Geneva, 10 Disember 1976  
*Melarang penggunaan bagi tujuan ketenteraan atau kegunaan untuk pertempuran yang lain, iaitu sebagai senjata peperangan, teknik-teknik pengubahsuaian alam sekitar atau geofizikal yang mempunyai kesan meluas, berterusan atau teruk.*

### Mekanisme penguatkuasaan triti antarabangsa

- Statut mengenai Mahkamah Jenayah Antarabangsa Rom, 17 Julai 1998  
*Menubuhkan satu mahkamah jenayah antarabangsa yang tetap dengan bidang kuasa ke atas genosid, jenayah-jenayah perang, jenayah terhadap kemanusiaan dan jenayah kekerasan (jenayah kekerasan kemudiannya telah ditakrifkan dalam suatu mesyuarat yang diadakan antara Negara Pihak di Kampala pada 2010, namun bidang kuasa Mahkamah atas jenayah ini hanya berkuat kuasa mulai 2017).*

ICRC bekerjasama dengan PBSMM untuk menyediakan latihan pertolongan cemas untuk penduduk kampung, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan yang mempunyai akses perkhidmatan perubatan yang terhad.



Penstriman langsung peristiwa Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein, Menteri Luar Negeri, menandatangani bagi pihak Malaysia, instrumen ratifikasi Triti Mengenai Pengharaman Senjata Nuklear dalam suatu majlis pemeteraian di Wisma Putra.



# TRITI ANTARABANGSA MANAKAH YANG TELAH MALAYSIA RATIFIKASI DAN APAKAH UNDANG-UNDANG BERKAITAN YANG TELAH DIGUBAL?

Bahagian ini menunjukkan triti-triti UUKA yang telah diratifikasi dan ditandatangani Malaysia, di samping yang belum disertainya. Triti-triti ini terangkum di bawah dua bidang penting UUKA; pendakwaan penjenayah perang dan larangan atau sekatan penggunaan senjata tertentu.

### Jenayah perang

Malaysia telah meratifikasi keempat-empat Konvensyen Geneva 1949 dan pernah mempertimbangkan ratifikasi dua (2) Protokol Tambahan 1977. Malaysia belum meratifikasikan Protokol Ketiga sebagai tambahan kepada Konvensyen-Konvensyen Geneva, berkaitan Penerimaan Lambang Tambahan Tersendiri. Malaysia telah menggubal Akta Konvensyen-Konvensyen Geneva 1965 untuk menerapkan keempat-empat Konvensyen Geneva ke dalam undang-undang domestik.

Selain itu, Malaysia juga merupakan salah satu Negara Pihak bagi Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC), dan telah meratifikasi Protokol Pilihan kepada CRC tentang Penglibatan Kanak-kanak dalam Konflik Bersenjata pada April 2012.

### Senjata

Berkaitan dengan triti-triti antarabangsa mengenai sekatan atau larangan senjata-senjata tertentu, Malaysia telah meratifikasi:

- Konvensyen Larangan Pembangunan, Pengeluaran dan Pengumpulan Stok, **Senjata-Senjata Bakteriologi (Biologi) dan Toksin** yang telah ditandatangani pada 1972 dan telah diratifikasikan pada 1991;
- Konvensyen Larangan Pembangunan, Pengeluaran, Pengumpulan Stok dan Penggunaan **Senjata Kimia** yang telah ditandatangani pada 1993 dan telah diratifikasikan pada 2000;
- Konvensyen Larangan Penggunaan, Pengumpulan Stok, Pengeluaran dan Pemindahan **Periuk Api Pembina Anggota** dan Pemusnahannya pada 1999; dan
- Triti Mengenai Pengharaman Senjata Nuklear 2017 yang telah diratifikasi pada tahun 2020

Malaysia telahpun melaksanakan triti-triti ini melalui undang-undang domestik, seperti Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005 dan Akta Penguatkuasaan Konvensyen Periuk Api Pembina Anggota 2000. Malaysia telah menandatangani Triti Perdagangan Senjata pada September 2013.

## Glosari

Agensi-agensi kemanusiaan	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu; NGO
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
ICC	Mahkamah Jenayah Antarabangsa
ICRC	Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah
IFRC	Persekutuan Antarabangsa Persatuan-Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah
Konvensyen-Konvensyen Geneva 1949	Empat triti yang diterima sejagat dan mengandungi undang-undang untuk melindungi individu tertentu ketika konflik bersenjata
Lambang	Lambang Palang Merah, Bulan Sabit Merah dan Kristal Merah
NGO	Organisasi bukan kerajaan
PBSMM	Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia
Pergerakan	Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa
Persatuan Kebangsaan	192 buah Persatuan-Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Kebangsaan, seperti Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia
Prinsip-Prinsip Asas	Prinsip yang menjadi panduan Pergerakan (sila lihat muka surat 4)
Protokol-Protokol Tambahan 1977	Dua triti antarabangsa yang memperluas terma Konvensyen-Konvensyen Geneva 1949
Protokol Tambahan 2005	Triti antarabangsa yang mewujudkan lambang perlindungan ketiga Pergerakan, iaitu lambang Protokol Ketiga atau Kristal Merah
UUKA	Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa

## Maklumat Lanjut

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah:	<a href="http://www.icrc.org">www.icrc.org</a>
Sumber dan rujukan UUKA ICRC:	<a href="http://www.icrc.org/en/war-and-law">www.icrc.org/en/war-and-law</a>
Persekutuan Antarabangsa Persatuan-Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah:	<a href="http://www.ifrc.org">www.ifrc.org</a>
Persidangan Antarabangsa Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah:	<a href="http://www.rcrcconference.org">www.rcrcconference.org</a>
ICRC Kuala Lumpur:	<a href="http://www.icrc.org/en/where-we-work/asiapacific/malaysia">www.icrc.org/en/where-we-work/asiapacific/malaysia</a>
Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia:	<a href="http://www.redcrescent.org.my">www.redcrescent.org.my</a>

## Penghargaan

ICRC dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia ingin merakamkan penghargaan yang setulusnya kepada Palang Merah Australia atas kesudian berkongsi teks dan susun atur asal '*Handbook for Parliamentarians*', yang telah banyak mempermudah kerja sidang pengarang ini.

## Maklumat Perhubungan

Ibu Pejabat Kebangsaan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia,  
Lot PT54, Lengkok Belfield, Off Jalan Wisma Putra  
50460 Kuala Lumpur  
Malaysia

Tel : +603 2143 7122

Fax : +603 2143 5122

Email : [secgen@redcrescent.org.my](mailto:secgen@redcrescent.org.my)

**Perkhidmatan Ambulans 24-jam** | +603 2141 8227, +603 2142 1227



**ICRC**

 @ICRCmy  
 @ICRC\_my  
 [www.icrc.org](http://www.icrc.org)

**International Committee of the Red Cross**  
L11, Wisma UOA Damansara, Jalan Dungun,  
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.  
T 03-2084 1800  
[kua\\_kualalumpur@icrc.org](mailto:kua_kualalumpur@icrc.org)  
© September 2021